



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

TARIAN TRADISIONAL SINGA MASYARAKAT CINA KUCHING

CHUA SEOK FANG

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2016**

TARIAN TRADISIONAL SINGA MASYARAKAT CINA KUCHING

CHUA SEOK FANG

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

☒

Masters

☐

PhD

☐

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on theday of2016.

Student's Declaration:

I **CHUA SEOK FANG, 40935, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS** hereby declare that the work entitle **TARIAN TRADISIONAL SINGA MASYARAKAT CINA KUCHING** is my original work. I have not copied from any other student's work or from any other source except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text nor has any part been written for me by another person.

Date submitted

CHUA SEOK FANG
(40935)

Supervisor's Declaration:

I **PROF. MADYA DR. ANNA DURIN** hereby certifies that the work entitled **TARIAN TRADISIONAL SINGA MASYARAKAT CINA KUCHING** was prepared by the above named student and was submitted to the "FACULTY" as a* partial/fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT)**, and the aforementioned to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: _____
(Prof. Madya Dr. Anna Durin)

Date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

☐

CONFIDENTIAL (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*)

☐

RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*

☒

OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copied for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalize the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student Signature: _____
(Chua Seok Fang) (40935)

Supervisor Signature: _____
(Prof. Madya Dr. Anna Durin)

Current Address: LOT 462 A JLN SALOR,
KG PAK LIMAH SALOR,
KOTA BHARU,
15100, KELANTAN.

Note* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organization with the period and reason of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Service]

PENGAKUAN

Projek bertajuk “**Tarian Tradisional Singa Masyarakat Cina Kuching**” telah disediakan oleh **Chua Seok Fang** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Prof. Madya Dr. Anna Durin)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syukur kepada Tuhan yang maha esa kerana sentiasa bersama saya mengharungi pelbagai dugaan dalam melaksanakan projek tahun akhir ini. Pertama kali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Prof Madya Dr. Anna Durin yang banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan dorongan kepada saya untuk melaksanakan kajian ini dari awal sehingga selesai kajian ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga tersayang, terutamanya kepada kedua ibu bapa saya Sik Eian Chin dan Chua Ah Hong. Mereka sentiasa memberi sokongan dan dorongan kepada saya selama ini. Terima kasih juga kepada keluarga tersayang yang telah membantu dan menyokong saya dari segi kewangan dan doa mereka kepada saya. Tanpa bantuan daripada mereka saya tidak dapat melaksanakan projek tahun akhir ini.

Tidak lupa juga, ucapan jutaan terima kasih kepada pihak Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak (PTNSWS), terutamanya Encik Vincent Thong Hing Chang dan Encik Calvin Kong Ngon Cheng yang banyak membantu saya untuk mendapatkan maklumat untuk menyiapkan kajian ini.

Akhir kata, terima kasih kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) serta Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kerana telah memberi peluang kepada saya menuntut ilmu di sini. Hanya Tuhan sahaja yang dapat membalas segalanya.

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
HALAMAN TAJUK	I
PEGESAHAN	II
PENGAKUAN	IV
PENGHARGAAN	V
ISI KANDUNGAN	VI
ABSTRAK	X
<i>ABSTRACT</i>	XI
SENARAI RAJAH	XII
SENARAI JADUAL	XIII
SENARAI SINGKATAN	XIV

BAB I: TARIAN TRADISIONAL SINGA MASYARAKAT CINA KUCHING

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Masyarakat Cina Kuching	2
1.2.2 Latar Belakang Tarian Singa	3
1.2.3 Latar Belakang Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak (PTNSWS)	5

1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Hipotesis	6
1.5 Permasalahan Kajian	7
1.6 Soalan Kajian	8
1.7 Kepentingan Kajian	9
1.8 Skop Kajian	10
1.9 Kerangka Kerja	10
1.9.1 Konsep Tarian Singa	10
1.9.2 Pengurusan	12
1.9.3 Promosi	13
1.10 Kekangan Kajian	14
1.11 Rumusan	15

BAB II: SOROTAN KESUSASTERAAN

2.1 Pengenalan	16
2.2 Pesta Tahun Baru Cina	17
2.3 Perubahan dan Kontinuitas Seni Barongsai di Surakarta Pasca Reformasi menerangkan Seni Barongsai bangsa Tionghoa di Indonesia	18
2.4 Hari-Hari Perayaan Masyarakat Malaysia	19
2.5 Seni Persembahan sebagai Perkakasan Ritual Pengubatan: Paluan Ganding dan Tari Sumazau dalam Ritual Monogit oleh Kadazan Penampang di Sabah	20
2.6 Joget Gemelan Terengganu dan Pahang	21

2.7 Joget Lambak	23
2.8 Tarian Tarinai Perlis	24
2.9 Tarian Calok / Sumpah-Sumpah	25
2.10 Tari Labi-Labi	26
2.11 Rodat	27
2.12 Bali: Gending dan Tari	28
2.13 Rumusan	29

BAB III: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	30
3.2 Keperpustakaan atau Sekunder	31
3.3 Kualitatif	31
3.3.1 Pemerhatian	32
3.3.2 Temu Bual	32
3.3.3 Dokumentasi	33
3.3.4 Analisis Kajian	34
3.3.5 Informan-Informan	35
3.4 Lokasi Kajian	35
3.5 Rumusan	36

BAB IV: DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	37
----------------	----

4.2 Konsep Tarian Singa	37
4.2.1 Makna dan Fungsi Tarian Singa	38
4.2.2 Asal-usul Tarian Singa	53
4.3 Pengurusan Tarian Singa dalam PTNSWS	57
4.3.1 Pengeluaran	58
4.3.2 Pengurusan Sumber Manusia	61
4.3.3 Pengurusan Kewangan	73
4.3.4 Pemasaran	75
4.4 Rumusan	81
 BAB V: KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 Kesimpulan	82
5.2 Cadangan	85
5.2.1 Cadangan untuk penyelidikan akan datang	85
5.2.2 Cadangan untuk pihak PTNSWS	85
5.3 Rumusan	86
GLOSARI	87
RUJUKAN	88
LAMPIRAN	

ABSTRAK

Penyelidikan ini berjudul tarian tradisional singa masyarakat Cina Kuching. Penyelidikan mengenai tarian singa masyarakat Cina Kuching. Secara khususnya, penyelidikan ini mengfokuskan kepada tarian singa dalam Persatuan Tarian Naga, Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak (PTNSWS). Penyelidikan bertujuan mengenalpasti konsep tarian singa dari segi makna dan fungsi serta asal-usul tarian singa. Selain itu, penyelidikan juga bertujuan mengkaji pengurusan tarian singa dalam PTNSWS. Kaedah metodologi yang digunakan dalam penyelidikan ialah pemerhatian dan temu bual. Melalui kaedah metodologi melakukan kerja lapangan di PTNSWS. Penyelidikan ini telah temu bual seramai lima orang informan yang berpengalaman dan pengetahuan mengenai tarian singa dan pengurusan tarian singa. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa penyelidikan dalam tarian singa PTNSWS memang mempunyai pengurusan yang sistematik seperti pengeluaran, sumber manusia, kewangan dan pemasaran.

ABSTRACT

The research title is Chinese Traditional Lion Dance in Kuching. This research is mainly about the Chinese lion dance in Kuching. In particular, this research focus on the lion dance of Association Dragon Dance, Lion Dance, and Wushu Sarawak (PTNSWS). Aim of this research is to identify the concept of the lion dance in terms of meaning and function as well as the origin of the lion dance. In addition, the research also aims to study the management of the lion dance in PTNSWS. The research is conducted through the methods of observation and interview as well as through methodology method of fieldwork in PTNSWS. This research had interviewed five informants who are experienced and knowledgeable in lion dance as well as the management of the lion dance. The research outcomes show that the management of lion dance in PTNSWS is very systematic in terms of production, human resources, finance and marketing.

SENARAI RAJAH

SENARAI RAJAH	MUKA SURAT
3.1 Pembahagian berdasarkan objektif dan sub-objektif	34

SENARAI JADUAL

SENARAI JADUAL	MUKA SURAT
4.1 Senarai jenis pakej persembahan tarian singa	60
4.2 Kekurangan dan kebaikan pengurusan sumber manusia PTNSWS	72

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN

PTNSWS : Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak

CMAA : *Chinese Martial Art Association*

UNIMAS : Universiti Malaysia Sarawak

KeKKWa : Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan Malaysia

SUKMA : Sukan Malaysia

BAB I

TARIAN TRADISIONAL SINGA MASYARAKAT CINA KUCHING

1.1 Pengenalan

Dalam bab ini akan menerangkan tajuk yang dikaji. Tajuk yang akan dikaji adalah tarian tradisional singa masyarakat Cina Kuching. Secara khususnya akan mengkaji pengurusan tarian singa dalam persatuan, kajian lapangan di Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak (PTNSWS). Dalam kajian ini akan menerangkan tentang tarian singa dan terutamanya memerhati kepada pengurusan tarian singa yang diamalkan oleh Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak (PTNSWS).

Tarian tradisional juga melambangkan identiti kaum dan bangsa tersebut. Tarian tradisional adalah budaya kaum yang diwarisi oleh generasi ke generasi akan datang. Tarian tradisional perlu dikekalkan, memelihara dan memulihara agar tidak ditelan zaman. Masyarakat Malaysia mempunyai pelbagai tarian tradisional yang daripada pelbagai etnik di Malaysia. Tarian-tarian tradisional membawa keunikan, keistimewaan kepada rakyat dan negara. Tarian tradisional bukan hanya melambangkan identiti kaum, malahan juga boleh megeratkan perpaduan antara etnik-etnik di Malaysia.

Seni persembahan tarian singa memainkan peranan yang cukup penting dalam perkembangan seni persembahan masyarakat Cina. Tarian singa juga diterima sebagai salah satu persembahan hiburan kepada masyarakat tempatan. Tarian singa adalah persembahan dan tarian tradisional dalam budaya Cina. Masyarakat Cina beranggapan bahawa tarian singa membawa makna yang baik kepada mereka dan mampu menghalau kuasa jahat. Tarian singa biasanya akan

dipersembahkan pada musim perayaan, acara-acara perasmian, pembukaan kedai baru dan sebagainya. Kebiasaanya, tarian singa ini sering dimainkan oleh dua ekor sahaja, tetapi terdapat acara-acara yang besar-besaran mereka memerlukan jumlah singa yang banyak untuk meriahkan suasana dan menunjukkan kemewahan. Persembahan tarian singa dipersembahkan oleh dua orang yang memakai satu kostum singa iaitu, seorang dibahagian depan kepala singa dan seorang dibahagian belakang badan dan ekor singa, serta diiringi dengan irama alat muzik gendang perkusi tradisional Cina. Tarian singa juga merupakan satu persembahan yang boleh meningkatkan kemeriahan dan keseronokan suasana.

1.2 Latar Belakang Kajian

Latar belakang kajian ini akan menerangkan latar belakang masyarakat Cina Kuching, latar belakang Tarian Singa dan latar belakang Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak (PTNSWS).

1.2.1 Masyarakat Cina Kuching

Budaya dan warisan tarian tradisional Cina di Malaysia hampir semua adalah dibawa oleh penduduk yang berhijrah dari Negara China. Tidak dikecuali bagi Tarian Singa dalam masyarakat Cina Kuching. Menurut Hong (2007: 15-17) menyatakan bahawa penghijrahan orang Cina ke Kuching kebanyakannya adalah berasal dari kawasan pinggir laut di Tenggara Negara China. Iaitu seperti wilayah Hainan, Kwangsi, Hunan, Kwangtung, Fukien dan Kiangsi. Pada sekitar tahun 1850, kedatangan orang Cina Hakka dari Sambas, Pontianak ke Kuching sebanyak 800 orang. Pada zaman pemeritahan keluarga Brooke telah meningkatkan kemasukan orang Cina. Buruh Cina

penting pada zaman itu kerana boleh memperkukuhkan pentadbiran di Kuching. Masyarakat Cina mudah menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling dan boleh bergaul dengan pelbagai kaum yang ada di Kuching pada ketika itu. Hal ini yang menyebabkan pemeritahan keluarga Brooke memperkenalkan dasar tanah yang longgar kepada orang Cina untuk memajukan sektor pertanian.

1.2.2 Latar Belakang Tarian Singa

Tarian Singa merupakan akrobatik dan gerak tarinya meniru pergerakan singa dengan menggunakan kostum singa. Tarian ini hanya dimainkan dua orang dengan satu kostum singa. Tarian singa mempunyai dua jenis iaitu tarian singa selatan dan tarian singa utara. Tarian singa utara berasal dari Utara China dan pada dahulu dipersembahkan sebagai hiburan kerabat diraja. Tarian singa selatan pula berasal dari Selatan China dan dipersembahkan kepada rakyat sebagai hiburan. Tarian Singa Selatan dan Tarian Singa Utara berbeza ketara dari segi kostum singa. Berdasarkan gambar 1.1 Tarian Singa Utara dan gambar 1.2 Tarian Singa Selatan boleh menggambarkan perbezaan kostum. Tarian Singa Utara konstumnya meyerupai rupa binatang singa yang realistik. Konstum Singa Selatan pada bahagian atas kepala ada satu tanduk dan kepingan tembaga, mulut singa yang besar melengkung dan bawah mulut terdapat jagung, empat kaki dan satu ekor yang pendek.



Gambar 1.1 Tarian Singa Utara

Sumber: Internet

<http://www.ritzpromotions.com/>



Gambar 1.2 Tarian Singa Selatan

Sumber: Internet

<http://picturedaily.xyz/lion-dance-wallpaper/lion-dance-wallpaper/>

1.2.3 Latar Belakang Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak (PTNSWS)

Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak pengerusinya adalah Lim King Choon dan timbalan pengerusi Yoong Dak Looh. PTNSWS didaftar pada Pesuruhanjaya Sukan Sarawak pada tahun 2010, dengan nama Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak (PTNSWS). Organisasi ini ditubuhkan pada tahun 1974 sebagai Chinese Martial Art Association (CMAA) dan kemudian pada tahun 2010 terdapat beberapa orang ahli yang dipindahkan ke dalam pertubuhan baru iaitu PTNSWS. CMAA masih beraktif dan beroperasi seperti biasa. PTNSWS dan CMAA merupakan organisasi yang saling berhubung antara satu sama satu. Kini terdapat 60 orang ahli dalam PTNSWS.

1.3 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti konsep Tarian Singa.

Dari segi konsep tarian singa seperti makna dan fungsi serta asal-usul tarian singa. Memerlukan pengetahuan terhadap makna dan fungsi tarian singa terlebih dahulu sebelum melakukan kajian lebih mendalam. Asal-usul tarian singa dari dahulu juga akan dikaji. Di samping itu, mengenalpasti dalam proses perkembangan tarian singa, sama ada berlakunya perubahan terhadap konsep tradisional tarian singa.

2. Mengkaji tentang pengurusan tarian singa dalam Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak (PTNSWS).

Mengkaji pengurusan persatuan dari pelbagai segi seperti sumber manusia, kewangan, pemasaran dan pengeluaran. Mengetahui cara-cara mengurus ahli-ahli PTNSWS. Kaedah yang digunakan oleh PTNSWS mengumpul dana (kewangan). Meneliti perkhimatan PTNSWS kepada masyarakat. Di samping itu, mengenalpasti pemasaran yang telah dilakukan oleh PTNSWS. Selain itu, ingin mengetahui promosi Tarian Singa yang telah dilakukan oleh PTNSWS. Mengkaji kebaikan promosi Tarian Singa kepada masyarakat dan PTNSWS sendiri.

1.4 Hipotesis

Hipotesis kajian ini adalah pengurusan tarian tradisional singa merangkumi pelbagai aspek-sapek yang perlu diketahui dan difahami secara teliti dan jelas agak sesebuah persatuan dapat menguruskan urusan dalaman dan luaran dengan lebih mudah dan mantap. Tarian tradisional singa telah diubahsuai dari pelbagai elemen oleh masyarakat Cina Kuching. Hal ini akan mengakibatkan kehilangan segelintir gerakan tradisi tarian singa dan keaslian kostum singa serta muzik irama tradisi tarian singa.

PTNSWS menghadapi pelbagai langkah, pengalaman, jangka masa dan cabaran serta halangan sehingga mencapai pencapaian sekarang. Sokongan dan sumbangan terhadap persatuan ini daripada pelbagai pihak kerajaan dan swasta. Biasanya, persatuan ini disumbang dan sokong oleh masyarakat Cina Kuching. PTNSWS berfungsi sebagai satu organisasi yang mengekalkan dan

memelihara tarian tradisional Singa dan Naga serta seni pertahanan Wushu masyarakat Cina. PTNSWS juga memartabatkan sebahagian budaya dan warisan masyarakat Cina di Kuching.

1.5 Permasalahan Kajian

Kini terdapat banyak persaingan tarian tradisional dalam bidang tarian persembahan, dengan adanya pelbagai tarian moden kontemporari seperti *K-pop*, *street dance*, *hit hop* dan sebagainya. Generasi muda lebih gemari tarian moden kontemporari, disebabkan mereka mengikuti trend dunia. Hal ini, menyebabkan mereka kurang pengetahuan mengenai konsep tarian tradisional singa. Mereka juga tidak tahu mengenai pengurusan tarian tradisional singa. Tarian tradisional juga ada sambutan ramai, jika dipasarkan dan melakukan strategik promosi. Tarian tradisional masyarakat Cina seperti tarian singa, tarian naga, tarian kipas dan sebagainya. Tarian singa perlu dimainkan bersama irama gendang perkusi dan kostum singa. Tarian singa perlu dipelajari dengan pelbagai alatan muzik yang besar seperti gendang Cina dan sukar dibawa. Kostum singa besar dan berat serta tidak mudah untuk menguasainya.

Isu kajian ini ialah mengkaji mengenai konsep tarian singa. Perkara yang dilihat dari segi makna dan fungsi serta asal-usul tarian singa. Isu kedua ialah mengenalpasti pengurusan dalam PTNSWS. Perkara yang dilihat ialah sumber manusia, kewangan, pemasaran dan pengeluaran. Di samping itu, meneliti pengurusan dari segi promosi tarian singa yang telah dilakukan oleh PTNSWS. Strategi promosi dalam pengurusan pemasaran juga dilihat dalam kajian ini.

1.6 Soalan Kajian

1. Apakah Tarian Singa?

Mengharapkan informan dapat memberi penjelasan dan maklumat balas tentang Tarian Singa dengan lebih teliti. Dari segi konsep tarian singa seperti makna dan fungsi serta asal-usul tarian singa. Maklumat balas yang diberi akan melakukan analisis dan mengenalpasti konsep tarian singa. Di samping itu, maklumat balas daripada informan dan maklumat sekunder mengenai konsep tarian singa akan dilihat dengan lebih teliti dan mengkaji sama ada maklumat tersebut tepat atau sebaliknya. Selain itu, juga mengharapkan informan boleh memberi maklumat tarian singa yang tidak dapati pada sumber bacaan. Hal ini, boleh memperbanyakkan lagi maklumat tarian singa yang sedia ada.

2. Bagaimanakah pengurusan seni persembahan tarian singa dalam persatuan?

Mengharapkan informan dapat memberi maklumat balas tentang pengurusan seni persembahan tarian singa. Pengurusan persatuan dari pelbagai segi seperti sumber manusia, kewangan, pemasaran dan pengeluaran. Terangkan cara-cara mengurus ahli-ahli PTNSWS. Kaedah yang digunakan oleh PTNSWS mengumpul dana (kewangan). Jelaskan perkhimatan PTNSWS kepada masyarakat. Sejauhmana pemasaran yang telah dilakukan oleh PTNSWS. Di samping itu, mengharapkan informan memberitahu serba sedikit pengalaman informan dalam mengurus PTNSWS.

3. Bagaimanakah promosi Tarian Singa yang dilakukan oleh persatuan?

Mengharapkan informan dapat memberi maklumat balas tentang kaedah-kaedah promosi Tarian Singa yang dilakukan oleh persatuan sebelum ini atau pada masa akan datang. Di samping itu, informan boleh menjelaskan faedah-faedah yang didapati oleh PTNSWS selepas mengadakan promosi.

1.7 Kepentingan Kajian

Kaji ini boleh menjadi pengetahuan kepada pelajar-pelajar, mengenai pengurusan seni persembahan dalam tarian singa masyarakat Cina Kuching. Berdasarkan kajian-kajian lepas didapati banyak kajian mengenai tarian tradisional. Contohnya seperti tarian singa dalam pesta Tahun Baru Cina, Seni Barongsai, tarian tradisional India, Tari Sumazau, Joget Gamelan, Joget Lambak, Tari Tarinai Perlis, Tarian Calok, Tari Labi-labi, Rodat, dan tarian tradisional Indionesia. Kesemua kajian-kajian lepas belum tersentuh dalam pengurusan tarian tradisional. Secara khususnya tarian tradisional singa masih belum dikaji dalam bentuk pengurusan lagi. Ini juga boleh menambah pengetahuan pelajar mengenai pengurusan sesebuah kesenian tarian. Kajian ini juga boleh memberi manfaat kepada para pembaca mengetahui tarian singa di Kuching. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan kepada bakal penyelidik yang melakukan kajian tentang tarian singa. Tujuan pengkaji, mengkaji tajuk ini adalah memberi peringatan dan kesedaran kepada pembaca tentang tarian singa, agar tidak dilupai oleh masyarakat dan generasi seterusnya.

1.8 Skop Kajian

Skop kajian ini tertumpu terhadap tarian tradisional singa masyarakat Cina. Kajian ini juga skop kepada tarian tradisional singa masyarakat Cina di Kuching. Secara khususnya, kajian ini mengkaji dari segi pengurusan tarian tradisional singa dalam Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak (PTNSWS).

Kajian ini mengkaji PTNSWS dalam bentuk pengurusan seni dari segi aspek pengeluaran, sumber manusia, kewangan dan pemasaran. Hal ini demikian kerana, mengelakkan kajian terpesong daripada objektif kajian. Di samping itu, juga mengkaji mengenai promosi tarian singa dalam PTNSWS.

1.9 Kerangka Kerja

Kajian tarian singa dalam PTNSWS dari segi pengurusan dan promosi. Sebelum itu, memerlukan maklumat mengenai konsep tarian singa seperti makna dan fungsi serta asal-usul tarian tradisional singa. Sebelum mengkaji sesuatu perkara dengan lebih mendalam, perlu memahami beberapa definisi yang berkaitan di antara satu sama lain. Untuk melengkapkan lagi kajian ini memerlukan teori-teori pengurusan dan pemasaran seni.

1.9.1 Konsep Tarian Singa

Konsep tarian singa yang akan dikaji dalam kajian ini adalah makna dan fungsi serta asal-usul tarian tradisional singa. Berikut menerangkan konsep tarian singa:

a) Makna dan Fungsi Tarian Singa

Xing Wen (2011) mengatakan bahawa ‘Singa’ dalam fahaman masyarakat Cina ialah raja haiwan. Singa juga dianggap sebagai simbol kekuatan, keberanian, dan nasib baik atau tuah. Selain itu, dalam perayaan tradisional seperti festival, Tahun Baru Cina, majlis perkahwinan dan majlis pembukaan rasmi akan ada beberapa orang yang mempersembahkan tarian singa dengan meniru pergerakan singa untuk menangkis roh-roh jahat dan membawa tuah. Tarian Singa dilakukan oleh singa simbolik atau kostum singa disertai oleh tiga alat muzik iaitu gendang cina, gong dan canang serta pergerakan dan irama diselaraskan dan setiap tindakan singa dikaitkan dengan rentak tersendiri. Variasi dan perincian pada setiap rentak asas kompleks dikekalkan dalam tarian singa. Tarian Singa di seluruh dunia diiktiraf sebagai wakil budaya Cina.

b) Asal-usul Tarian Singa

Tarian Singa sudah berkembang sehingga seluruh dunia dan melalui pengedaran masa sehingga kini. Menurut wartawan Xing Wen (2011) menerangkan sejarah tarian singa. Sepanjang sejarah seribu tahun, prestasi membangunkan dua genre tarian singa iaitu tarian singa utaran dan selatan. Versi utara lebih terkenal di Utara China iaitu Beijing, Hebei dan Shanxi wilayah. Manakala, tarian singa selatan pula dianggap sebagai rakan sejawatannya, tarian singa selatan tertumpu pada tradisi Guangdong Province yang terletak di Selatan China. Singa utara mempunyai rupa yang sama dengan haiwan singa yang sebenar. Singa Selatan pula perwakilannya bukan terletak pada rupanya, tetapi pada penggerakannya yang selaras dengan irama-irama muzik.

Menurut Xing Wen (2011) lagi, tarian singa hari ini adalah seni rakyat yang mengintegrasikan seni mempertahankan diri dan akrobatik bersama-sama, hal ini menampilkan kepentingan kesenian dalam ungkapan singa. Tarian singa telah diluluskan sebagai warisan kebudayaan tidak ketara negara oleh kerajaan China pada tahun 2006. Pendatang dan penghijrah masyarkat Cina juga banyak menyumbang dalam mengekalkan seni ini hidup dengan mengekalkan tradisi ketika tinggal di luar negara. Banyak warga asing yang kagum dan mengambil peluang dalam mempelajari tarian singa. Tambahan pula, pertandingan tarian singa diadakan di negara-negara luar di seluruh dunia.

1.9.2 Pengurusan

Berdasarkan Jaafar Muhamad (1992) pengurusan adalah menyudahkan dan menyelesaikan sesuatu perkara melalui pelaksanaan orang lain. Definisi lain pula, mengatakan bahawa pengurusan sebagai unsur-unsur yang mempunyai fungsi-fungsi yang terdiri daripada perancangan, pengorganisasian dan pengawalan. Di samping itu, terdapat juga definisi yang mengatakan pengurusan mengandungi pengertian komprehensif, iaitu pengurusan merupakan satu proses mengagihkan *input-input* organisai dengan kaedah perancangan, pengorganisasian, pengarahan dan pengawalan untuk menghasilkan *output* yang dipelurkan untuk mencapai objektif organisasi.

Pengurusan mempunyai empat fungsi iaitu perancangan, penganjur, memimpin, dan pengawalan. Perancangan ialah memutuskan apa yang perlu dilakukan. Pengajur adalah memutuskan bagaimana ia dilakukan dan siapa yang melakukannya. Memimpin adalah memutuskan bagaimana orang lain untuk mendapatkan ia berlakukan. Pengawalan adalah memutuskan dapat atau tidak dapat dilakukan apa yang perlu dilakukan. Apabila terlibat dalam

merancang, mengurus, memimpin dan mengawal terdapat tujuh fungsi asas dalam pengurusan seni iaitu, perancangan dan pembangunan, pemasaran dan perhubungan awam, pengurusan personel, pengurusan fiskal, hubungan lembaga, hubungan buruh dan hubungan kerajaan (Byrnes, 2009).

Pengurusan seni mempunyai empat perkara iaitu pengeluaran atau produksi, sumber manusia, kewangan dan pemasaran. Keempat-empat perkara ini akan dijadikan sebagai garis panduan dalam kajian untuk mengkaji pengurusan PTNSWS.

1.9.3 Promosi

Promosi pula perlu mempunyai empat perkara iaitu mengenalpasti pasaran, pasaran pernyataan, sasaran pernyataan khusus dan menempatkan produk atau perkhidmatan melalui strategi pemasaran.

Menurut Zainal Abidin Mohd. Said (1988) promosi adalah berfungsi sebagai mewujudkan kesedaran dalam kalangan pengguna untuk mencuba dan membeli produk atau perkhidmatan keluaran, agar pengguna menerima dan terus menyukainya. Selain itu, promosi juga merupakan memperkenalkan atau mengetengahkan sesuatu keluaran atau produksi sehingga dapat diterima.

Berdasarkan O'Sullivan dan O'Sullivan (2003) mengatakan promosi adalah elemen campuran pemasaran yang berkomunikasi dan manfaat ditawarkan kepada penonton sasaran. Secara semulajadi ia adalah yang paling ketara dalam aspek aktiviti pemasaran. Ia memainkan peranan yang sangat penting dalam seni strategi pemasaran, terutamanya tujuan mencapai seni. Bukan sahaja mengfokuskan pelanggan yang sedia ada, tetapi juga untuk menarik minat penonton baru.

1.10 Kekangan Kajian

Dalam kajian ini terdapat beberapa kekangan, tetapi semua kekangan dapat diselesaikan dengan kaedah yang sesuai. Maklumat bacaan khusus mengenai Tarian Tradisional Singa di Kuching terhad. Jalan penyelesaiannya adalah temu bual informan-informan untuk mendapati maklumat yang lebih banyak dan jelas. Selain itu, kekangan dari segi masa, tempat, dan pengangkutan yang menyebabkan sukar dan tidak dapat setiasa menjalankan temu bual atau mengumpul maklumat daripada informan-informan. Kekangan dari segi masa iaitu kebanyakan waktu pekerjaan persatuan sama dengan waktu kuliah. Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak terletak di lokasi jalan Foochow Kuching, agar jauh jarangnyanya daripada UNIMAS Kota Samarahan. Hal ini boleh diselesaikan jika terdapat pengangkutan sendiri yang memudahkan dan jimat masa, tetapi malangnya tiada pengangkutan sendiri. Semua perkara ini dapat dihadapi dengan mempunyai teknologi canggih seperti telefon bimbit, computer dan internet. Persatuan ini mempunyai laman sosial *facebook* iaitu “砂拉越龍獅武術總會 Persatuan Tarian Naga, Tarian Singa Dan Wushu Negeri Sarawak”. Melalui pertanyaan mesej *facebook* persatuan memperolehi nombor pertanyaan persatuan. Seterusnya, nombor pertanyaan persatuan tersebut boleh dihubung melalui aplikasi pesanan *WhatsApp*. Secara tidak lansung, penggunaan teknologi canggih dapat menyelesaikan kekangan mengumpul maklumat daripada pihak persatuan.

1.11 Rumusan

Bab I adalah pengenalan bagi kajian ini. Menerangkan latar belakang masyarakat Cina Kuching dan Tarian Singa Kuching serta latar belakang Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak (PTNSWS). Objektif dan soalan kajian juga disertai dalam bab ini. Objektif dan soalan kajian penting dalam pengenalan agar arah tuju topik tidak terpesong. Hipotesis kajian merupakan anggaran kajian bahawa objektif tercapai, kerangka kajian yang digunakan tepat dan sesuai dengan pengurusan PTNSWS. Skop kajian boleh dikatakan sebagai garis panduan dalam kajian. Di samping itu, kerangka kajian dibina untuk memudahkan pemahaman kajian ini. Permasalahan, kekangan dan kepentingan kajian turun disertai dalam bab ini.

BAB II

SOROTAN KESUSASTERAAN

2.1 Pengenalan

Bab ini adalah sorotan kesusasteraan yang menulis berdasarkan bacaan daripada pelbagai bahan bacaan yang berkaitan dengan kajian ini. Sorotan kesusasteraan penting dalam kajian ini, kerana ia adalah bukti bahawa kewujudan objek kajian. Selain itu melalui bacaan terhadap kajian-kajian lepas juga boleh dijadikan sebagai bukti perkara yang dikaji adalah belum dikaji oleh pengkaji lepas. Sorotan kesusasteraan ini menerangkan kebudayaan dan kesenian serta pendapat daripada pengkaji-pengkaji dahulu tentang seni persembahan tarian, tarian tradisional, tarian kontemporari dan khususnya tarian tradisional singa. Berdasarkan pelbagai sumber bacaan dapat memastikan dan mengenalpasti tarian tradisional singa masih belum dikaji dalam bentuk pengurusan. Di samping itu, tarian tradisional pelbagai etnik juga dapat diketahui serba sedikit melalui sorotan kesusasteraan. Bahan bacaan untuk sorotan kesusasteraan hanya dalam bentuk jurnal, atikel dan buku sahaja. Disebabkan maklumat-maklumat yang didapati dalamnya boleh dirujuk semula dan informasi yang dinyatakan lebih *relevan*. Jika, bahan bacaan daripada *wikipedia*, *blogs*, *twitter*, *facebook* dan sebagainya, kebanyakan menyatakan fakta-fakta dan pembincangan yang tidak dikaji secara khusus. Terdapat beberapa buku dalam kajian, perkara yang telah dilihat seperti tarian tradisional di Malaysia, Indonesia dan Nusantara.

2.2 Pesta Tahun Baru Cina

Eliane (2010) dalam kajian yang bertajuk Pesta Tahun Baru Cina mendapati bahawa tarian singa merupakan aktiviti terkenal ketika perayaan Tahun Baru Cina. Tarian singa membawa tuah kepada penghuni rumah dan perniagaan yang di jemputnya. ‘*Choi Cheng*’ (采青) merupakan salah satu bahagian yang menarik semasa persembahan tarian, penari-penari yang berpakai kostum singa akan memetik sayur-sayuran yang telah disediakan dan digantung ikat pada tiang. Ini merupakan simbolik terhadap masa akan datang akan memperolehi tuah dan kegembiraan.

Dalam kajian ini dapat memperlihatkan Tarian Singa diamalkan atau dipersembahkan pada perayaan Tahun Baru Cina. Kedatangan tarian singa boleh membawa kebaikan atau *good luck*. Tarian singa mempunyai ‘*Choi Cheng*’ adalah salah satu bahagian dalam tarian singa. Segmen ‘*Choi Cheng*’ dalam tarian singa ialah membawa petanda yang baik atau tuah. Segmen ‘*Choi Cheng*’ biasanya akan dipersembahkan dalam tarian singa ketika Tahun Baru Cina dan acara perasmian. Segmen ‘*Choi Cheng*’ tarian singa bagi suku ‘*Han*’ etnik Cina beranggapan ia penting dan merupakan nadi persembahan tarian singa. Selain itu, masyarakat Cina juga percayai bahawa kedatangan tarian singa akan memberi kesejahteraan, keselamatan dan kesihatan pada keseluruhan tahun. Di samping itu, tarian singa juga akan mempermudah segala perjalanan dan perkara yang dilakukan sepanjang tahun itu. Dalam kajian ini hanya menerangkan sebahagian tarian tradisional singa sahaja. Kajian ini juga belum mengkaji dalam bidang pengurusan tarian singa.

2.3 Perubahan dan Kontinuitas Seni Barongsai di Surakarta Pasca Reformasi menerangkan Seni Barongsai bangsa Tionghoa di Indonesia

Dwi Wahyudiarto (2009) dalam kajian yang bertajuk Perubahan dan Kontinuitas Seni Barongsai di Surakarta Pasca Reformasi menerangkan Seni Barongsai bangsa Tionghoa (etnik Cina) di Indonesia. Seni Barongsai hampir sama dengan tarian singa masyarakat Cina Malaysia. ‘*Barong*’ dalam istilah bahasa Indonesia adalah lompat dan ‘*sai*’ pula dalam dialek Hokkien Cina bermaksud singa. Dalam kajian ini menerangkan sejarah dan perkembangan, makna simbolik dan fungsi pertunjukan, asal-usul dan faktor pendorong muncul pasca reformasi Seni Barongsai di Indonesia. Seni Barongsai turun diiringi muzik masyarakat Cina. Alat-alat atau instrumen muzik yang digunakan oleh ahli-ahli organisasi Seni Barongsai adalah *ceng-ceng* atau sambal, gong berserta *dram* atau *bedhug* kecil. Beliau juga menerangkan jenis kostum Singa mempunyai dua jenis. Jenis Singa Utara lebih dominan dari segi warna seperti merah, jingga dan kuning. Singa Utara juga dikenali dengan panggilan Peking Lion atau Singa Peking kerana rupa bentuknya menyerupai anjing Peking. Manakala, jenis Singa Barongsai pula ialah jenis singa Foshan yang memiliki mulut yang melengkung, sebuah tanduk di atas kepala dan ekor.

Dalam kajian perubahan dan kontinuitas Seni Barongsai di Surakarta pasca reformasi menerangkan Seni Barongsai bangsa Tionghoa di Indonesia, secara khususnya menjelaskan seni persembhan tarian singa yang diamalkan oleh masyarakat Cina di Surakarta Indonesia. Barongsai definisi sebagai ‘singa yang berlompat-lompat’. Hal ini membuktikan bahawa tarian tradisional singa di Indonesia telah menerima perubahan dari segi namanya yang bergabung dengan bahasa Indonesia dan dialek Hokkien Cina. Selain itu, faktor yang menyebabkan perubahan tarian singa di Indonesia adalah faktor sejarah. Iaitu pada abad ke-16 etnik Cina suku Hokkien yang berhijrah ke Indonesia. Disebabkan perkara ini wujudnya Seni Barongsai di Indonesia. Seni Barongsai ini

boleh dikatakan hampir sama ciri-ciri dengan tarian singa yang terdapat di Malaysia disebabkan asal-usul mereka adalah sama. Iaitu kedua-dua tarian seni ini berasal daripada negara China. Perbezaanya disebabkan oleh pelbagai faktor luar seperti campuran budaya baru, pengedaran masa, etnik Cina yang berlainan suku, faktor persekitaran, dan sebagainya. Kajian ini hanya menerangkan perubahan dan kontinuitas tarian singa yang diamalkan di Surakarta Indonesia. Kajian ini belum tersentuh dalam bidang pengurusan kajian mengenai tarian tradisional singa.

2.4 Hari-Hari Perayaan Masyarakat Malaysia

Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan Malaysia (KeKKWa) dalam tahun 2006 telah mengkaji Tarian Tradisional India dan mendapati bahawa tarian persembahan yang ditonjolkan sepanjang Deepavali itu. Tarian tradisional ini mempunyai unsur keagamaan yang menyusuli rentetan kisah kosmologi alam semesta dengan alunan irama India. Alat-alatan muzik tradisional seperti *dholak*, *sitar*, *bansuri* dan *venu*, *phakawaj*, *nadaswaram*, *mridangam*, *chenga*, *tavil*, *veena* dan *tabla* yang menghasilkan irama muzik yang merdu dan mempunyai keistimewaan serta keunikan kaum itu tersendiri.

Dalam kajian ini hanya menerangkan sebahagian tarian tradisional India sahaja. Mengikut penerangannya dapat menjelaskan bahawa tarian India masih diamalkan oleh masyarakat India di Malaysia sehingga kini. Masyarakat India Malaysia masih mengenali dan amalkan tarian ini pada perayaan Deepavali mereka. Alat-alat muzik tradiasional juga masih dimainkan, memelihara dan digunakan dalam persembahan tarian tradisional India. Hal ini, bukan sahaja dapat mengekalkan identiti kaum India, bahkan juga boleh memperbanyakkan budaya warisan yang ada di Malaysia.

2.5 Seni Persembahan sebagai Perkakasan Ritual Pengubatan: Paluan Ganding dan Tari Sumazau dalam Ritual Monogit oleh Kadazan Penampang di Sabah

Hanafi Hussin (2006) telah mengkaji seni persembahan sebagai perkakasan ritual pengubatan: paluan ganding dan tari Sumazau dalam ritual Monogit oleh Kadazan penampang di Sabah. Kajian tersebut membincangkan tarian sumazau sebagai jabatan dan pengesahan kehadiran semangat dalam ritual. Sumazau adalah tarian tradisional yang diamalkan oleh suku kaum Dusun di Sabah. Sumazau dipercayai boleh menjadi kaedah perubatan. Komuniti Kadazan di Penampang melakukan perubatan dengan menari tarian Sumazau. Sumazau juga dianggap sebagai ritual perubatan. Perkataan 'sumazau' bererti mari menari dalam bahasa Kadazan. Tarian Sumazau dalam ritual seperti *humabot* dan *monogit*. Dalam istilah ritual, Sumazau dipanggil *kuminod* iaitu tarian untuk semangat dalam alam spiritual. Tarian Sumazau terdapat banyak segmen dalam ritual *monogit* iaitu, sumazau mundang, sumazau magampu, sumazau hoputan dan sumazau miontong. Sumazau Magampu adalah gerakan-gerakan simbolik untuk pemulihan penyakit. Sumazau Mundang pula adalah kaedah pemberitahuan pamanta yang telah dihidangkan. Sumazau Miontong bermaksud memberi makanan kepada semangat dan roh. Menghantar keluar roh dan semangat merupakan Sumazau Hoputan. Tarian Sumazau diringi dengan muzik sompogungan. Muzik Sompogungan berperanan penting dalam ritual kerana membawa maksud menyokong dan menghubungkan interaksi antara alam nyata dan alam spiritual serta lebih berkesan semasa ritual diadakan. Kepercayaan dan pengertian ini dalam suku kaum Dusun kini tidak ramai yang ketahui, percayai dan ambil berat terhadapnya. Kini, Sumazau lebih dikenali sebagai tarian sosial dan seni persembahan. (Hanafi Hussin 2006:10-17)

Dalam kajian tari Sumazau dapat memperlihatkan pelbagai segmen yang menjayakan sesebuah persembahan tarian ritual perubatan ini. Setiap segmen mempunyai maksud tersendiri dan fungsi tertentu untuk mengubati penyakit seseorang. Segmen-segmen yang diadakan memerlukan penari-penari yang profesional dan berkepakaran serta mempunyai pengalaman yang lama dalam tari Sumazau. Tari Sumazau mempunyai gerakan yang seperti upacara ritual. Tarian ini turut diiringi bersama muzik Sompogungan. Muzik Sompogungan ini telah diwarisi dari nenek moyang masyarakat Dusun. Mereka masih mengamalkan tari ini bersama muzik Sompogungan sehingga hari ini. Sumazau melambangkan identiti suku kaum Kadazan Sabah. Tarian ini juga merupakan salah satu budaya warisan negeri Sabah.

2.6 Joget Gemelan Terengganu dan Pahang

Haji Ibrahim (2005) yang mengkaji ‘Joget Gemelan Terengganu dan Pahang’, penerus tradisi seni persembahan Istana Kesultanan Melayu Melaka. Kajian ini mempunyai lima bahagian iaitu pengenalan dalam aspek perkembangan kesenian Istana, satu perjalanan meniti sejarah penulis dalam usaha memulih dan mengembangkan kesenian joget gamelan, tradisi persembahan, muzik dalam joget gamelan dan perbuatan gamelan. Kajian ini penuh maklumat dan ilmu pengetahuan tentang joget gamelan. Sejarah joget gamelan juga dinyatakan dengan teliti dan sertai peta-peta, carta organisasi dan gambar-gambar. Selain itu, beliau juga menerangkan kisah perjalanan, sumbangan, pengalaman dan usaha Mak Nan (Adnan Binti Abdullah) dalam tarian ‘Joget Gemelan’. Mak Nan mengajar joget gamelan secara rasiah kerana tarian tidak dizinkan dipelajari oleh orang ramai. Joget gamelan hanya boleh dipejari oleh orang-orang Istana sahaja pada suatu ketika dahulu. Di samping itu, manuskrip Tengku Ampuan Mariam Terengganu juga terdapat dalam kajian. Manuskrip tersebut mencatat urutan gerak tarian joget gamelan, panduan untuk guru

dan penari, senarai nama pemuzik dan senarai repertoire dan panduannya. Tambahan pula, muzik dalam joget gamelan menjelaskan dari segi bentuk muzik dan penanda masa serta alat muzik gamelan Melayu dan laras gamelan. Akhir sekali, beliau merangkan dan menggambarkan pembuatan alat-alat muzik gamelan. Pembuatan gamelan memerlukan pelbagai peralatan, bahan-bahan, dan langkah-langkah serta mengambil masa dan sumber tenaga yang berkemahiran.

Daripada joget gamelan dapat memperlihatkan seni persembahan sudah wujud pada masa lampau, seni pengurusan juga dapat dilihat dalam aturcara sebelum, semasa dan selepas tarian joget gamelan dipersembahkan di dalam Istana. Contohnya, sebelum tarian gamelan dipersembahkan akan mengadakan perasap kemenyan bagi semua alat-alat gamelan yang akan digunakan dalam persembahan dan para penari juga akan diperasap kemenyan dengan bacaan manteranya. Hal ini demikian, muka penari akan kelihatan berseri, memikat, dan cantik semasa menari. Sebelum mula persembahan mak inang (dayang Istana) akan sediakan kesemua peralatan yang ingin digunakan dalam persembahan Joget Gamelan. Semasa tarian sedang dipersembahkan memerlukan pertukaran babak atau pergerakan yang menggunakan pelbagai peralatan (*props*), aksesori, atau kostum pakaian yang berlainan turun diuruskan oleh mak inang. Selepas tamat tarian gamelan, penari tidak perlu mengambil dan simpan peralatan tarian, peralatan tersebut akan disimpan oleh mak inang. Mak inang boleh dikatakan sebagai pekerja dibelakang tabir dalam persembahan tarian gamelan pada dahulu. Di samping itu, mereka juga akan berlatih demi persembahan yang sempurna. Penari dan pemuzik akan berlatih susunan, keseragaman, tempoh gerak tarian dengan irama pada setiap malam. Terdapat catatan panduan, catatan susunan gerak tari yang digunakan oleh guru dan penari. Para pemuzik pula berpadukan catatan notasi lagu-lagu Joget Gamelan.

2.7 Joget Lambak

Madulara (2004) pula telah mengkaji tentang ‘Joget Lambak’ masyarakat Melayu Negeri Melaka. Joget lambak dinyatakan oleh pengkaji, telah bermula dari zaman kedatangan Portugis dalam kurun ke-16. Pembawa joget lambak daripada pedagang-pedagang Portugis. Orang-orang Portugis membawa biola dan menggesek biola semasa menari dengan ini mereka dapat menarik hati penduduk tempatan (Melayu Melaka). Joget lambak diiringi muzik Melayu asli yang menggunakan alat muzik seperti, biola, peti romian, tambur, gong dan rebana. Pantun-pantun diterapkan ke dalam nyanyian joget lambak. Dalam kajian ini juga terdapat banyak pantun empat kerat. Joget lambak merupakan hiburan tradisi yang boleh mengeratkan hubungan atau sosial berhubung dengan pengisian kehidupan bermasyarakat. Pada zaman silam, joget lambak dipersembahkan dalam majlis-majlis perkahwinan dan keramaian. Budaya bersuka-suka dan menari-nari diwujudkan dalam masyarakat Melayu negeri Melaka dengan adanya joget lambak. Dalam bulan Safar setiap hari rabu, joget lambak akan diadakan oleh masyarakat Melayu di Melaka. Joget lambak digantikan cara disebabkan mengalami pengaruh Inggeris menular. Tidak lama kemudian wujudnya joget moden di sekitar tahun 1950-an. Percampuran pelbagai tarian Barat iaitu rumba, tango, caca, sambo, mambo dan *slow folk*. Sebelum pengaruh Inggeris, joget lambak dinari berpasangan perempuan dengan perempuan, tetapi lantaran pengaruh tersebut menyebabkan perubahan kepada berpasangan perempuan dengan lelaki. Joget lambak juga dikenali sebagai joget karan. Sekitar tahun 1970-an, joget lambak dilarang oleh Majlis Agama Islam Negeri Melaka.

2.8 Tarian Tarinai Perlis

Rejab F.I (2003) dalam kajian yang bertajuk Sejarah dan Perkembangan Tarian Tarinai Perlis mendapati bahawa tarian tarinai Perlis merupakan tarian yang dipersembahkan pada umum dan khususnya dalam majlis-majlis perkahwinan di Perlis. Tarian tarinai dengan iringan muzik digandingkan bersama, menyebabkan tarian ini lebih menarik. Muziknya mempunyai irama yang tersendiri iaitu ‘Gendang Tarinai’. Muzik ‘Gendang Tarinai’ berasal dari nama ‘Gendang Keling’ negeri Perlis. Tarinai merupakan salah satu seni tarian yang dipersembahkan dalam Istana suatu ketika dahulu. Tarinai bernilai tinggi dan masyhur ketika itu. Tujuh varisi yang terdapat dalam tarian tarinai. Tarian tarinai telah diaplikasikan kepada ‘Silat Tarinai’. Silat Tarinai adalah seni ‘tari silat’ dan dipersembahkan secara berpasangan. Dalam kajian ini, juga menerangkan asal-usul tarinai, sejarah dan perkembangan tarinai di Perlis, persediaan dan alatan tarinai, dan persembahan tarinai.

Dalam kajian ini menceritakan asal-usul dan perkembangan tarian tarinai. Di samping itu, menerangkan perubahan ketika tarinai berkembang. Tarian ini berkembang sehingga wujudnya varisi-varisi. Tarinai berkembang mengikuti perkembangan zaman dapat dilihat dari segi apilkasikannya. Diapilkasikan dalam bentuk seni pertahanan iaitu silat tarinai. Kepelbagaian boleh mengekalkan jangka hayat tarian ini dan boleh menarik minat kepada lebih banyak golongan sasaran. Silat tarinai boleh dikatakan sebagai salah satu cara pemasaran kepada tarian tarinai.

2.9 Tarian Calok / Sumpah-Sumpah

Berdasarkan buku Koleksi Pengenalan Tarian dan Muzik Tradisional Negeri Pahang mengatakan bahawa mendapat informasi daripada Encik Abdul Razak bin Nong mengenai tarian calok (sumpah-sumpah). Beliau telah mengkaji tarian ini pada tahun 1994. Dalam kajian beliau didapati tarian tradisional ini diamalkan oleh masyarakat yang berada di Kampung Pasir Mandi, Temerloh. Tarian ini dilangsungkan ketika upacara bersanding, berinai dan juga upacara mandi sapat yang melibatkan pengantin. Tarian ini dipersembahkan oleh tukang masak atau dalam kalangan mereka yang berada di dapur kenduri kahwin tersebut. Bilangan penari tidak terhad kerana bergantung kepada keluasan tempat persembahannya. Alat muzik yang digunakan adalah gendang tarian piring, gendang ibu dan anak serta gong. Penari menari dengan berpakai topeng agar ia dapat menunjukkan kelakar dan boleh menghiburkan pengatin pada saat itu. Tarian ini mempunyai gerakan yang menyerupai gerakan itik. Tarian ini dianggap berjaya jika pengatin terhibur. Sebalikny, pengatin tidak terhibur dengan tarian calok ini dianggap gagal kerana tidak mencapai tujuan tarian ini.

Tarian Calok dapat menggambarkan budaya atau aktiviti masyarakat setempat. Tarian Calok boleh dikategorikan sebagai hiburan rakyat setempat atau warisan peninggalan lama oleh nenek moyang mereka. Tarian Calok menerapkan unsur-unsur kelakar dan ia boleh menghiburkan pengantin dan tetamu yang hadir majlis itu. Secara tidak langsung, suasana akan bertambah meriah dengan suara gelak ketawa penonton (tetamu kenduri). Dengan kewujudan ciri-ciri saspn dalam tarian ini yang boleh mencuit dan menarik hati penonton. Kespnen tarian ini adalah penari-penarinya akan muncul dengan tiba-tiba dan tidak disedari oleh pengatin mahupun orang sekelilingnya. Selepas tamat persembahan penari-penari akan membuka topeng mereka. Penari tarian ini tidak professional dan kemungkinan pengantin mengenali penari tersebut. Hal ini akan

menambahkan kegembiraan pengantin. Tarian ini bebas dengan pelbagai pergerakan yang kelakar. Para pemuzik juga akan mainkan irama yang bersesuaian dengan gerakan penari.

2.10 Tari Labi-labi

Dalam kajian Rahimidin Zahari terhadap tari labi-labi. Beliau menerangkan asal-usul dan pengenalan, peranan, pergerakan, penari, alat dan muzik, dan pakaian tarian ini. Tarian ini berasal dari Endau, Rampin dan kemudiannya mula berkembang ke daerah lain seperti Kuantan dan Pahang. Tarian ini merupakan tarian etnik yang terkenal di negeri Pahang.

“...tarian yang ditirukan daripada gerak-geri labi-labi dan berperanan untuk menghibur.”

(Rahimidin Zahari 2003: 7)

Berdasarkan petikan di atas menjelaskan tarian ini mendapat idea daripada gerakan haiwan labi-labi. Tarian ini dicipta oleh seorang yang dipanggil ‘Pak Ngah’. Tarian ini dicipta dengan peniruan gerak-geri labi-labi dan menambahkan unsur lucu untuk menghiburkan dan menghilangkan rasa penat lelah petani yang bertungkus-lumus seharian di sawah. Dalam persembahan tarian ini penari akan menggunakan lutut, kepala dan tangan menari. Penari juga memakai kostum labi-labi untuk menarik perhatian penonton. Penari yang berpegang watak labi-labi akan menari sambil memainkan aksi dan mimik seperti labi-labi yang muncul dan timbul di permukaan sungai. Ketika persembahan alat muzik asal gong dan biola akan mengiringi. Namun, jenis alat muzik telah ditambah untuk memeriahkan lagi suasana persembahan. Alat muzik yang ditambah ialah serunai, gedak, gendang, gedombok dan keketuk. Dalam tarian ini ada tiga watak iaitu labi-labi, Pak Ngah dan Mak Ngah. Mengikut versi asal tari labi-labi pada mulanya adalah

dua orang sahaja, tetapi disebabkan wujudnya perubahan mengikut kreografer yang memimpin persembahan jumlah labi-labi ditambah. Berdasarkan bacaan kajian ini, terbukti tarian labi-labi telah menerima perubahan mengikut pendedaran zaman dan faktor-faktor lain, agar ia terus berkembang dan berkembang. Tarian labi-labi mempunyai persamaan dengan tarian singa iaitu meniru pergerakan haiwan dan penari persembahkan tarian dengan memakai kostum haiwan.

2.11 Rodat

Berdasarkan Umi Abdullah (2003) dalam kajian yang bertajuk Siri Menenal Budaya Rodat mendapati bahawa Rodat dikenali di negeri Terengganu. Rodat adalah seni persembahan tradisional dipersembahkan dalam bentuk nyanyian, tarian dan alat-alat muzik tradisional. Rodat berunsurkan Islam dan menyampaikan dan merakamkan sejarah hidup para Rasul dan lagu-lagu pujian Allah s.w.t. Hal ini menyebabkan rodat dipercayai dan dihormati. Persembahan rodat semakin berkurangan di Terengganu. Disebabkan kekurangan golongan muda yang ingin warisi rodat. Pada dahulu rodat hanya terdiri daripada kaum lelaki sahaja bersesuaian dengan mesej yang ingin disampaikan berunsur Islam. Kini, rodat telah mengalami perubahan dengan memperkenalkan watak mak inang yang dipersembahkan oleh kaum perempuan. Terdapat beberapa fasa atau peringkat pergerakan tarian rodat. Tarian rodat mengutamakan dua pergerakan iaitu maju ke hadapan dan undur ke belakang serta pergerakan dalam keadaan berdiri sahaja. Pantun diterapkan dalam persembahan rodat, pantun-pantun Melayu yang berunsur nasihat, teguran, pengajaran dan jenaka serta kasih sayang disampaikan dalam bahasa, intonasi dan berirama. Peralatan muzik yang digunakan semasa persembahan rodat adalah tar rodan. Pakaian yang dipakai oleh kaum lelaki ialah baju melayu, manakala kaum perempuan (mak inang) berbaju kebaya. Rodat telah menjadi warisan kesenian dan berkembang di negeri Terengganu.

2.12 Bali: Gending dan Tari

Tabanan Palance Dance Group menerbitkan buku yang bertajuk Bali Gending dan Tari. Dalam buku ini mendapati banyak tarian-tarian tradisional Indonesia diterangkan secara ringkas. Antara tarian tradisional yang dinyatakan adalah Pendet, Tamulilinga, Jgel Terompong, Burung Kelik, Legong, Sugriwa dan Subali, Sambut Sita, Kebyar, dan Tjalan 'Arang. Jgel Terompong adalah tarian dipersembahkan terlebih dahulu sebelum tarian Kebyar. Jgel Terompong dipersembahkan oleh penari lelaki sambil bermain alat muzik Terompong. Tarian Kebyar dicipta oleh I Mario pada tahun 1915. Kebyar merupakan tarian tunggal yang dipersembahkan oleh penari lelaki dengan memegang kipas dan diiringi irama muzik gamelan. Dalam Tarian Kebyar menekankan interpretasi muzik, ekspresi muka dan gerakan penari itu sendiri. Perkataan 'Kebyar' bermaksud mekar iaitu bunga yang mekar. Di samping itu, Burung Kelik juga merupakan tarian ciptaan I Mario. Tarian Burung Kelik mendapati daripada ilham alam semulajadi dengan keindahan alam sekitar daerah tempat kediaman beliau di Bali Selatan.

Dalam kajian ini memperkenalkan tarian tradisional yang terdapat di Bali, Indonesia. Setiap tarian yang diterangkan dalam kajian hanya maklumat yang terhad. Kajian ini diterbitkan sebagai buku program yang hanya memberi sedikit penjelasan terhadap tarian-tarian yang dipersembahkan di Indonesia. Jika mahu mengetahui pengetahuan yang lebih dalam mengenai seni tarian-tarian Bali, perlu menggunakan buku-buku rujukan yang khusus. Kajian ini ditulis dengan bahasa Indonesia, ini menyebabkan kurang pemahaman yang dapat dari kajian ini.

2.13 Rumusan

Berdasarkan kajian-kajian tersebut, didapati bahawa kajian mengenai pengurusan seni persembahan tarian tradisional singa dalam Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak (PTNSWS) masih belum dibuat oleh mana-mana penyelidik. Bacaan dan soratan kesusasteraan dalam bab ini dapat mengetahui lebih jelas dan pasti terhadap tajuk kajian. Melalui soratan kesusasteraan juga boleh mengenali dan fahami pelbagai tarian tradisional serta menambah ilmu pengetahuan dalam bidang kesenian dan kebudayaan. Setiap budaya tradisional yang terdapat di dunia pasti ada campuran unsur-unsur luar, pertembungan budaya, atau dipengaruhi oleh budaya luar. Kini, kebudayaan tradisional telah melalui beberapa era zaman. Sukar untuk menganalisis dan memastikan asal-usul kebudayaan, apatah lagi keaslian yang seratus peratus. Sesebuah kebudayaan yang diamalkan seharusnya sentiasa berkembang dan berkembang mengikut peredaran zaman, persekitaran dan unsur-unsur lain. Secara tidak langsung, akan menerima kemasukkan budaya baru dalam sesebuah kebudayaan. Budaya tradisi melalui pelbagai pengaruh-mempengaruhi yang menyebabkan ia berkembang luas dari dulu hingga hari ini dan diamalkan dan dikenali oleh etnik yang berbeza. Jika sesuatu budaya tidak diperkembangkan lama-kelamaan akan dilupakan oleh masyarakatnya kerana ditelan zama. Tarian tradisional singa turun mengalami pelbagai perkembangan dan pembaharuan dari masa ke masa. Tarian tradisional singa bukan sahaja dipersembahkan oleh kaum Cina, tetapi ia juga dipersembahkan dan dimainkan oleh kaum lain yang terdapat di Malaysia.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Dalam bab III, menggunakan metodologi kajian dalam menghasilkan maklumat kajian bersifat ilmiah. Keseluruhan kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif yang digunakan ialah kaedah temubual. Kaedah temubual dijalankan dengan ahli jawatankuasa dan ahli-ahli Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak (PTNSWS). Teknik kajian yang dipilih berdasarkan kesesuaian objektif kajian dan soalan kajian. Keseluruhan bab ini membincangkan tentang jenis-jenis data atau maklumat yang dikaji, keperpustakaan atau sekunder, kaedah kualitatif, dan rumusan keseluruhan untuk merumuskan kajian. Kajian ini dijalankan melalui kaedah kualitatif iaitu pemerhatian, temubual, dokumentasi, analisi dan informan-informan kajian yang difokuskan kepada semua objektif kajian yang terdapat dalam bab I kajian ini. Tanpa penggunaan kaedah pemerhatian dalam penyelidikan ini maka penyelidikan berkenaan pengurusan seni persembahan tarian tradisional singa dalam Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak (PTNSWS) tidak akan berjaya. Hal ini demikian, kaedah temubual kajian merupakan bahagian yang sangat penting dalam menjalankan sesuatu kajian lapang. Teknik yang dipilih dan digunakan dalam kajian akan membantu untuk lebih memahami subjek, objek dan mengenalpasti perkembangan serta permasalahan berkenaan dengan kajian yang dikaji.

3.2 Keperpustakaan atau Sekunder

Kajian keperpustakaan atau sekunder boleh memberi idea topik atau tajuk kajian. Ia juga penting untuk mengenalpasti tajuk yang dikaji belum dikaji oleh penyelidik-penyelidik lepas. Maklumat sekunder dalam bentuk buku, jurnal, artikel serta surat khabar. Buku tesis yang dirujuk daripada Pusat Khidmat Maklumat Akademik Universiti Sarawak Malaysia. Melalui sumber internet juga boleh dapati maklumat sekunder. Sebelum menjalankan kajian lapangan perlu menjalankan keperpustakaan terlebih dahulu kerana sangat membantu dalam menambahkan ilmu dan lebih memahami objek dan subjek kajian. Keperpustakaan sangat penting kerana ia dapat membantu dalam kerangka kerja dan sorotan kesusasteraan. Keperpustakaan kekurangan bahan rujukan dan maklumat yang ada sangat terhad dalam kajian tarian singa. Terdapat kajian lepas yang mengkaji tarian singa di Indonesia, tetapi diberi nama yang berlainan iaitu 'Seni Barongsai'. Seni Barongsai yang di Surakarta dan diamalkan oleh bangsa Tionghoa (Cina). Masih belum ada kajian tarian singa yang dikaji dalam bidang pengurusan persembahan tarian tersebut. Hal ini yang memberi saya idea untuk mengkaji dalam pengurusan tarian singa.

3.3 Kualitatif

Kaedah yang dipilih dalam kajian adalah kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif yang memainkan peranan penting dalam menjalani kajian dan menyelesaikan masalah serta boleh membantu dalam mencapai objektif-objektif kajian. Kaedah kualitatif menggunakan kaedah-kaedah seperti pemerhatian, temu bual dan dokumentasi serta analisis kajian daripada dokumentasi yang dicatat semasa temu bual informan-informan di lapangan kajian.

3.3.1 Pemerhatian

Kaedah pemerhatian adalah menggunakan deria perlihatan dan pendengaran serta perasaan terhadap tingkah laku tarian singa. Pemerhatian juga merupakan *alternative* yang dapat mengumpul maklumat selain daripada temu bual. Melalui pemerhatian dapat mengamati dan perhatikan tingkah laku penari-nari tarian singa atau keseluruhan persembahan tarian singa tersebut. Pemerhatian setiap tingkah laku, mendengar dan melihat tingkah laku tarian singa dan pengurusannya. Pemerhatian dari perspektif yang berbeza dapat mengumpul maklumat yang lebih banyak dan teliti. Pemerhatian adalah kaedah yang memperhatikan perubahan dan tingkah laku tarian singa secara terperinci. Selain itu, keputusan dari pemerhatian ini boleh menambah ketepatan atau membuktikan bahawa tarian singa itu benar. Semasa pemerhatian juga akan menggunakan kamera merakam suasana persembahan dan pengurusan tarian singa serta merakam alat-alat muzik dan kostum singa.

3.3.2 Temu Bual

Kaedah temu bual dijalankan untuk mendapatkan maklumat secara langsung dari informan-informan. Temu bual terbahagi kepada dua iaitu formal dan tidak formal. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual secara tidak formal. Temu bual secara bersemuka dan tidak formal dijalankan di dewan *Chung Hua Middle School No 3*, Kuching bersama tiga orang informan. Selain itu, temu bual melalui telefon juga dijalankan. Hal ini disebabkan, terdapat informan yang berada di Miri dan Sib. Temu bual melalui telefon merupakan temu bual secara tidak formal. Disebabkan temu bual tersebut, tidak senarai soalan dan hanya mempersoalkan soalan terbuka kepada informan mengenai pendapat, konsep dan pengurusan terhadap tarian singa. Temu bual secara tidak formal

lebih bebas berbanding formal. Temu bual secara tidak formal boleh mendekati pengkaji dan para informan disebabkan ia adalah perbualan biasa antara informan seperti perbualan dengan kawan.


Maklumat yang inginkan ketika temu bual boleh dalam bentuk pengalaman informan, pengetahuan tarian singa, dan pendapat informan terhadap tarian singa, pengurusan dan berkaitan dengan soalan kajian. Pertanyaan berdasarkan soalan kajian dan objektif kajian akan dikemukakan kepada para informan dan mengharapkan informan dapat menjawab pertanyaan dengan kepakaran mereka. Temu bual digunakan sebagai suatu cara untuk mendapatkan maklumat daripada informan kajian. Temu bual yang dijalankan adalah berkaitan dengan konsep tarian singa dan pengurusan serta usaha persatuan PTNSWS terhadap perkembangan tarian singa di Kuching. Dalam menjalankan temu bual akan menggunakan rakaman suara dan catatan bertulis untuk simpan maklumat yang diberi oleh informan.

3.3.3 Dokumentasi

Kaedah dokumentasi adalah maklumat yang dicatatkan dan didapati semasa temu bual dan pemerhatian tidak akan hilang atau lupai. Dokumentasi juga adalah pengumpulan maklumat daripada kaedah temu bual dengan informan-informan. Dokumentasi ialah proses meneliti dokumen-dokumen yang dapati. Dokumen seperti catatan bertulisan tangan atau bercetak yang melaporkan sesuatu perkara. Dokumen juga boleh dalam bentuk gambar-gambar, surat khabar, catatan harian, dan dokumen-dokumen yang boleh menjadi bahan rujukan. Kajian akan menggunakan rakaman suara, catatan bertulis ketika temu bual, gambar-gambar daripada pemerhatian dan surat khabar yang melaporkan berita mengenai PTNSWS.

3.3.4 Analisis Kajian

Semua maklumat penting yang diperolehi dan dikumpul semasa menjalankan kerja lapangan iaitu pemerhatian, temu bual dan juga gambar-gambar yang diambil akan dianalisis. Maklumat akan dibahagikan dalam dua bahgian iaitu konsep tarian singa dan pengurusan tarian singa dalam persatuan PTNSWS. Kumpulkan maklumat yang berkaitan dengan konsep tarian singa dalam satu dokumen dahulu. Kemudian, kumpulkan maklumat pengurusan tarian singa dalam PTNSWS yang dapati letakan dalam dokumen yang khusus. Dalam dua dokumen khusus tersebut dianalisis dan bahagikan pula dengan lebih teliti mengikut aspek-aspek tertentu. Setelah siap perbahagian mengikut objektif akan dianalisis dengan teliti. Keputusan analisis sangat penting kerana akan membantu dalam penulisan dapatan kajian dalam bab IV. Dibawah adalah rajah yang digunakan untuk analisis kajian dan pembahagian maklumat-maklumat dengan lebih tersusun.



Rajah 3.1: Pembahagian berdasarkan objektif dan sub-objektif

3.3.5 Informan-informan

Informan-informan kajian memberi maklumat yang diperolehi lebih mempunyai kesahan yang tinggi. Informan merupakan ahli PTNSWS yang mempunyai ilmu pengetahuan dalam Tarian Singa. Soalan yang dikemukakan kepada informan perlu berdasarkan objektif dan soalan kajian. Demikian kerana tidak mahu dapatan kajian terpesong dari objektif kajian. Informan-informan yang terlibat dalam kajian ini ialah dalam lingkungan umur 25 hingga 65 tahun. Informan yang dalam lingkungan umur demikian berpengalaman, matang dan berfikiran rasional. Informan sekurang-kurangnya merupakan ahli dalam PTNSWS selama dua tahun kerana mereka lebih memahami dan tahu tentang persatuan. Ini agar maklumat yang diberi oleh informan lebih tepat dan jelas mengenai pengurusan dalam persatuan tersebut. Kajian ini menggunakan seramai lima orang informan. Informan merupakan orang yang berlatar belakang dan pengetahuan tentang tarian singa, dan berkait dengan PTNSWS. Kajian ini temu bual informan-informan yang memenuhi syarat-syarat sebagai informan iaitu, Lim Kim Choon yang memegang jawatan sebagai pengerusi, Yoong Dak Looh sebagai setiausaha, bendaharinya Calvin Kong Ngon Cheng, Vincent Thong Hing Chang sebagai jurulatih tarian singa dan Steven Pao Khin Hong merupakan ahli tarian singa dalam PTNSWS.

3.4 Lokasi Kajian

Lokasi untuk kajian ini telah ditetapkan agar kajian lebih fokus dan mudah dikaji. Kajian ini memilih lapangan kajian di Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak (PTNSWS). Lokasi kajian ini alamatnya ialah Persatuan Wushu, Lion and Dragon Sarawak, 238, Foochow Road No.2, 93300 Kuching, Sarawak. PTNSWS dipilih kerana ia memenuhi syarat-syarat skop kajian.

3.5 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab III menjelaskan kaedah-kaedah yang digunakan dalam kajian. Keperpustakaan dan kualitatif digunakan untuk mengumpul maklumat dan mengenalpasti kesahan maklumat. Kaedah pemerhatian, temu bual, dokumentasi, analisis dan informan digunakan untuk mengumpul maklumat tentang makna dan fungsi serta asal-usul tarian singa, pengurusan tarian singa dalam PTNSWS. Kaedah yang berbeza digunakan supaya maklumat dikumpulkan dari pelbagai perspektif dan menggunakan kaedah yang bersesuaian mengumpul maklumat. Kaedah-kaedah juga perlu digunakan mengikut urutan agar proses kajian ini lebih sistematik.

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab IV adalah digunakan untuk membuat analisis dapatan kajian. Kaedah analisis kajian ini berdasarkan objektif kajian dalam bab I. Objektif utama kajian ini adalah konsep tarian singa. Iaitu konsep tarian singa dari segi makna dan fungsi serta asal-usul tarian singa. Di samping itu, mengenalpasti dalam proses perkembangan tarian singa, sama ada berlakunya perubahan terhadap konsep tradisional tarian singa. Objektif kedua adalah tentang pengurusan tarian singa dalam Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak (PTNSWS). Menganalisis maklumat yang dapati ketika temu bual informan-informan. Maklumat-maklumat tersebut yang berkaitan dengan pengurusan persatuan dari pelbagai segi seperti sumber manusia, kewangan, pemasaran dan pengeluaran. Selain itu, sebelum menggunakan kaedah temu bual, kajian ini juga menggunakan kaedah pemerhatian terlebih dahulu.

4.2 Konsep Tarian Singa

Maklumat konsep tarian singa yang dapati melalui kaedah metodologi adalah makna dan fungsi serta asal-usul tarian tradisional singa. Konsep tarian singa yang ingin dijelaskan nanti ialah dari segi makna dan fungsi tarian singa, asal-usul tarian singa. Hasil dapatan kajian berkaitan konsep tarian singa ini bertujuan menjawab objektif pertama yang terdapat dalam bab I pada muka surat 5.

4.2.1 Makna dan Fungsi Tarian Singa

Makna dan fungsi tarian singa akan diterangkan ialah tarian singa umum, tarian singa selatan, tarian sing utara, kostum singa dan peralatan muzik tarian singa.

a) Tarian Singa Umum

Tarian Singa merupakan akrobatik dan gerak tarian yang meniru pergerakan singa dengan menggunakan kostum singa. Tarian ini hanya dimainkan dua orang dengan satu kostum singa. Terdapat dua jenis tarian singa iaitu tarian singa selatan dan tarian singa utara.

Kostum singa yang baru perlu menerima upacara '*dian jing*' sebelum ia digunakan. Upacara '*dian jing*' adalah upacara perasmian bagi kostum singa. Istilah '*dian jing*' bermaksud titik mata. Upacara titik mata singa biasanya akan dijalankan oleh tetamu jemputan yang penting. Tetamu tersebut akan diberi dakwat merah dan berus cina untuk titik mata singa. Tujuan upacara ini dilakukan adalah memberi nyawa dan menghidupkan singa. Selepas upacara '*dian jing*' dijalankan, singa tersebut seolah-olah dikurniakan kehidupan, kerohanian dan kecerdasan. Masyarakat Cina percaya bahawa singa yang telah melalui upacara '*dian jing*' akan menghidupkan persembahan tarian singa.

b) Tarian Singa Selatan

Tarian Singa Selatan adalah gabungan daripada sukan, seni pertahanan dan tarian. Persembahan tarian singa tradisional dimainkan oleh tiga orang sahaja. Iaitu dua orang memakai kostum singa menari sebagai singa dan satu orang sebagai penghibur. Penghibur memakai topeng muka dan memegang kipas serta berpakaian kanak-kanak tradisional Cina.

Tarian singa terdapat perbeza daripada pergerakan dan reaksi singa. Terbahagi kepada dua iaitu '*wen shi*' singa bahasa dan '*wu shi*' singa tentera. Singa bahasa mempunyai pergerakan menggaruk gatal, menjilat, bergolek-golek, dan goncang kepala dan tubuh badan. Manakala singa tentera pula mempunyai pergerakan seperti, melompat, memanjat tiang, jatuh debar, lompat pusing dan pijak bola. Tarian singa pada dahulu merupakan sukan dan hiburan utama kepada rakyat ketika acara perayaan.

Kostum tradisional tarian singa selatan mempunyai tiga jenis. Tiga jenis kostum tradisional singa selatan mewakili tiga pahlawan dahulu yang tercatat dalam cerita "*san guo yan yi*" 三国演义. Iaitu pahlawan *Liu Bei*, *Guan Yu*, dan *Zhang Fei*. Ketiga-tiga pahlawan ini mempunyai perwatakan yang berbeza dan tiga jenis kostum juga dibuat berdasarkan ciri-ciri tiga watak utama yang ada dalam cerita tersebut. Kostum-kostum tersebut juga diberi nama berdasarkan nama watak tersebut. Contohnya seperti istilah nama '*Liu Bei Shi*' dihasilkan dengan gandingan nama pahlawan '*Liu Bei*' dan singa '*Shi*'. Kostum singa selatan yang berwarna kuning dan janggut putih adalah mewakili pahlawan *Liu Bei* dan kostum singa selatan tersebut diberi nama sebagai '*Liu Bei Shi*'. Manakala kostum singa selatan yang berwarna merah dan janggut hitam adalah sebagai kostum singa selatan '*Guan Yu Shi*'. Jenis kostum singa selatan yang berwarna hitam dan janggut hitam pendek pulak adalah '*Zhang Fei Shi*' yang mewakili perwatakan pahlawan *Zhang Fei*. Kostum singa selatan jenis '*Liu Bei Shi*' dan '*Guan Yu Shi*' dikategori dalam '*wen shi*' iaitu singa bahasa. Singa selatan jenis '*Zhang Fei Shi*' pulak dikategori sebagai tarian singa tentera '*wu shi*'. Setiap jenis kostum singa selatan mempunyai makna, fungsi dan perwatakan tersendiri yang berdasarkan pahlawan tersebut.

Di samping itu, tarian singa selatan juga diperbanyak jenis kostum selain daripada tiga kostum tradisional. Kemunculan lagi tiga jenis yang berdasarkan cerita “*san guo yan yi*” 三国演义. Watak sampingan dalam cerita “*san guo yan yi*” diaplikasikan dalam jenis kostum singa selatan. Iaitu adanya watak sampingan seperti *Zhao Zi Long*, *Ma Chao* dan *Huang Zhong*. Tiga watak ini ditambahkan dalam jenis kostum tarian singa selatan. Jenis kostum-kostum ini juga mengikuti ciri-ciri yang pada perwatakan sampingan dalam cerita tersebut. Kostum-kostum dapat dibezakan dari segi warna, corak dan rupa wajahnya. Kostum singa selatan yang berwarna hijau dan janggut hitam merupakan ‘*Zhao Zi Long Shi*’ yang mengikuti ciri-ciri pahlawan *Zhao Zi*. Kostum singa yang mewakili watak *Ma Chao* diberi nama sebagai ‘*Ma Chao Shi*’ dan warna kostumnya putih keseluruhan. Kostum singa selatan berwarna kuning, bercorak jalur hitam dan janggut kuning merupakan ‘*Huang Zhong Shi*’. Enam jenis kostum singa selatan ini digelar sebagai ‘*yi wang wu hu shi*’ 一王五虎獅 yang membawa maksud satu raja singa dan lima pahlawan singa. Raja singa selatan adalah ‘*Liu Bei Shi*’ yang mengikuti watak utama dalam cerita “*san guo yan yi*” 三国演义. Cerita ini juga dipersembahkan dalam opera Cina. Mengikuti perkembangan zaman dan permintaan pasaran, kini jenis kostum singa selatan telah diperbanyak. Terdapat pelbagai warna dan jenis kostum singa selatan yang menarik seperti warna ungu, merah jambu, biru dan berwarna-warni. Berikut adalah gambar jenis-jenis kostum singa selatan:



Gambar 4.1: Jenis Kostum Tradisional Tarian Singa Selatan,

(1) '*Liu Bei Shi*' (2) '*Guan Yu Shi*' (3) '*Zhang Fei Shi*'

Sumber: Internet

http://blog.sina.com.cn/s/blog_67e1a6150102vj51.html



Gambar 4.2: Kostum Tarian Singa Selatan jenis '*Zhao Zi Long Shi*'

Sumber: Internet

<https://www.youtube.com/watch?v=Ra42vqVVkcE>



Gambar 4.3: Kostum Tarian Singa Selatan jenis '*Ma Chao Shi*'

Sumber: Internet

http://blog.sina.com.cn/s/blog_67e1a6150102vj51.html



Gambar 4.4: Kostum Tarian Singa Selatan jenis '*Huang Zhong Shi*'

Sumber: Internet

http://orientaldaily.on.cc/cnt/lifestyle/20150222/00321_001.html

c) Tarian Singa Utara

Tarian Singa Utara dikategorikan sebagai persembahan kepelbagai yang memberi keutamaan kepada hiburan. Rupa bentuk tarian singa utara menyerupai singa sebenar. Kebiasaan kostum singa utara berwarna merah, jingga dan kuning di bahagian badan singa dan warna kuning keemasan di bahagian kepala singa. Merujuk kepada gambar 4.1, bahagian kepala singa utara yang mempunyai ikatan simpulan kain hijau adalah singa betina. Manakala singa jantan pula adalah ikatan simpulan kain yang berwarna merah. Persembahan

tarian singa selantan tradisional dimainkan oleh tiga orang sahaja. Iaitu dua orang sebagai singa dan satu orang sebagai penghibur. Pahlawan memegang dan bermain ‘Cai Qiu’ untuk menarik perhatian si singa. Pahlawan memegang dan pusing ‘Cai Qiu’ untuk menarik perhatian si singa. ‘Cai Qiu’ ialah bola yang diperbuat daripada rotan dan dikat kain yang berwarna cerah seperti merah, kuning dan hijau.



Gambar 4.5: Kostum Singa Utara

Sepasang kostum tarian singa utara, sebelah kanan adalah mewakili singa bertina dan sebelah kiri mewakili singa jantan.

Sumber: Kerja Lapangan (2016)

d) Kostum Singa

Pada masa dahulu, kostum singa hanya digunakan untuk persembahan tarian sahaja. Kini, kostum singa bukan sahaja digunakan untuk persembahan tarian singa, malah terdapat kostum singa yang pelbagai size dijadikan perhiasan atau pameran. Kebiasaannya, kostum singa size yang sederhana akan dihiaskan sebagai hiasan dalaman seperti ruang tamu rumah, pejabat, dan sebagainya. Merujuk kepada gambar 4.7, terdapat juga kostum singa yang size besar dijadikan sebagai pameran kepada masyarakat. Merujuk kepada gambar 4.8, kostum singa bersize kecil juga ada dipasaran, kostum kecil dibuatkan khas bagi permainan kanak-kanak. Kostum singa bersize kecil lebih ringan berbanding kostum biasa, disebabkan menggunakan material yang berbeza seperti getak plastik, bahan kertas kitar semula dan bahan-bahan yang ringan serta mudah dibentuk. Kostum kecil singa selantan lebih banyak ada dipasaran berbanding kostum singa utara. Hal ini disebabkan, kostum singa selatan lebih diminati oleh masyarakat dan mempunyai permintaan banyak. Kemungkinan hal ini berlaku disebabkan rupa bentuk kostum utara lebih meyerupai haiwan singa sebenar dan wajah yang garang menakutkan kanak-kanak.

Kostum singa merupakan produk kraftangan dan warisan kaum Cina. Untuk menghasilkan kostum singa memerlukan kemahiran kraftangan dan pengalaman serta minat terhadap kesenian tarian singa. Menurut informan encik Lim King Choon, biasanya seunit kostum singa perlu mengambil masa seminggu untuk menyiapkan. Bahan-bahan yang digunakan untuk menghasilkan kostum singa adalah buluh, rotan, kertas, kain, benang, bahan warna dan bahan penghiasan. Bahan penghiasan yang digunakan seperti kepingan logam, kepingan tembaga dan biji mata singa yang diperbuat daripada plastik. Kini terdapat

sesetengah kostum singa yang diperbuat daripada bahan yang lebih ringan seperti aluminium dan plastik untuk menggantikan buluh dan rotan.

Proses membuat kepala kostum singa mempunyai empat langkah utama. Empat langkah utamanya ialah mengikat, menampal, mewarna dan memasang. Langkah pertama ialah mengikat buluh atau rotan membentuk rangka kepala singa. Proses ini sangat penting dalam menghasilkan kostum singa. Jika tersalah ikat salah satu buluh, maka perlu membuka dan mengikat semula dari ikatan awal. Antara selingan buluh dan buluh diikat dengan jalur kertas yang telah disapu dengan gam. Menurut informan lagi, bahan yang digunakan untuk menghasilkan rangka kepala singa berbeza berdasarkan tempat atau orang yang menghasilkan. Kebanyakan pengeluar kostum singa di Malaysia menggunakan rotan, hal ini kerana rotan mudah didapati di Malaysia. Di samping itu, rotan juga lebih ringan banding buluh dan mudah dibentuk serta mempunyai keanjalan. Pengeluar kostum singa China masih banyak yang menggunakan buluh untuk menghasilkan rangka kepala singa. Terdapat juga pengeluar kostum singa yang menggunakan campuran buluh dan rotan menghasilkan rangka kepala singa.

Langkah yang seterusnya ialah menampal kertas dan balut kain pada rangka kepala singa. Menampal pada rangka kepala singa mempunyai tiga lapisan iaitu lapisan pertama menampal kertas putih pada keseluruhan rangka kepala singa. Lapisan kedua ialah balut kain putih dan lapisan ketiga menampal kertas putih. Kepingan kertas putih disapu rata dengan gam dan ditampal atas rangka kepala singa. Kepingan kertas putih ditampal satu demi satu dengan jarak yang rapat dan kemas pada rangka kepala singa sehingga keseluruhan rangka kepala singa ditampal penuh dengan kertas putih. Selepas siap tampal lapisan pertama, perlu tunggu sehingga gam kering sepenuhnya baru boleh melakukan

lapisan kedua. Kain putih perlu dibalut dan tampal dengan kemas dan rata, agar ia senang untuk tampalan lapisan ketiga. Setelah siap tampal lapisan ketiga, kepala singa tersebut akan dibiarkan seketika sehingga kering gam. Kering gam keseluruhan pada kepala singa tersebut, kemudian diteruskan dengan langkah warna.


Langkah mewarna sebenarnya adalah melukis dan mewarna corak kepada kepala singa. Proses ini memerlukan kehalusan melukis corak dan keserasian warna yang digunakan. Kostum singa selatan jenis '*yi wang wu hu shi*' 一王五虎獅 tidak perlu berfikir warna keserasian dan corak yang perlu dilukis kerana ia telah ditetapkan warna dan corak tertentu. Kostum singa yang ditempah khas akan mengikuti permintaan pelanggan mengenai pilihan warna yang diingini oleh pelanggan. Corak akan dilukis berdasarkan kesesuai warna. Sebelum lukis corak pada kepala singa tidak memerlukan lakaran. Corak dilukis dengan bebas oleh pelukis kepala singa. Pelukis kepala singa perlu mahir dalam lukis pelbagai corak dan keserasian corak yang dilukis serta warna yang digunakan. Setelah siap melukis dan mewarna kepala singa akan dicat lapisan minyak kilat. Cat minyak kilat keseluruhan kepala singa bertujuan untuk mengilatkan kepala singa kelihatan cantik dan agar ia kalis air serta tahan lebih lama.

Proses membuat kostum singa yang terakhir ialah memasang. Langkah memasang adalah memasang panca indera singa dan pasang bahan hiasan terhadap kepala singa yang telah siap warna dan cat minyak kilat. Bulu perlu dipasang dahulu sebelum perhiasan lain. Kemudian memasang telinga, mata dan mulut si singa pada kepala singa yang telah siap pasang bulu. Panca indera seperti mata, telinga dan mulut perlu dipasang dengan baik dan agar ia boleh digerakan dengan baik ketika kostum singa tersebut dimainkan oleh penari tarian singa. Di samping itu, dua berbola bulu juga perlu dipasang di bahagian atas hidung

singa. Akhir sekali, kepingan logam atau tembaga yang berbentuk bulat perlu dipasang di tengah atas kepala singa dan bawah tanduk si singa. Kostum singa yang telah siap perlu menerima bacaan ritual pembukaan cahaya sebelum ia dijual atau digunakan.

Bacaan ritual pembukaan cahaya bertujuan untuk memberi jiwa dan roh kepada kostum singa tersebut. Bacaan ritual pembukaan cahaya boleh dikatakan sebagai memberi 'hidup' kepada kostum singa, agar ia dapat menjadi penlindung dan penghalang kuasa jahat. Kostum singa selatan dan utara perlu menerima bacaan ritual pembukaan cahaya. Bacaan ritual pembukaan cahaya mempunyai bacaan formula. Dalam bacaan formula tersebut mempunyai sembilan rangkap. Setiap rangkap formula bacaan tersebut mempunyai makna dan tujuan tertentu. Rangkap bacaan pertama merupakan sebutan ayat yang menunjuk kepada kepingan logam yang diatas kepala singa. Makna rangkap pertama bacaan ialah titik pertama cermin logam membawa semangat positif daripada langit dan tanah serta semangat orang yang berkuasa seperti maharaja. Rangkap kedua pula bermaksud, titik kedua terhadap mata singa supaya mata boleh melihat jauh, mata kiri mewakili naga hijau, mata kanan mewakili harimau putih. Berdasarkan rangka bacaan ketiga membawa maksud, titik ketiga terhadap telinga boleh mendengar suara yang jarak jauh, telinga kiri kedengaran suara yang menembusi langit, telinga kanan kedengaran suara yang mencapai tanah. Rangkap seterusnya merupakan bacaan yang menunjuk kepada hidung singa. Maksudnya adalah titik seterusnya terhadap hidung boleh menghidu jarak jauh, dapat menghidu kuasa jahat, mengesan orang atau perkara jahat. Seterusnya adalah titik kelima terhadap mulut singa jantan, gigi tajam dan mulut ringan, suara raungan singa menembusi langit dan tanah. Rangkap keenam bermaksud, titik keenam terhadap tanduk atas kepala singa, tanduk tunggal singa mengejutkan alam semesta, cahaya menjulang tinggi. Makna rangkap seterusnya adalah titik ketujuh titik terhadap badan singa, berani dan bertenaga jantan singa,

panjang umur selama-lamanya. Titik kelapan terhadap kaki kiri singa, kaki kira pijak tujuh bintang, keamanan dan keharmonian. Bacaan rangkap akhir sekali bermaksud, titik kesembilan kaki kanan singa, kaki kanan pijak angina dan awan, tenaga yang kuat umpama tenaga naga dan harimau. Antara bacaan ritual pembukaan cahaya adalah seperti gambaran yang dibawah:



Gambar 4.6: Formula ayat-ayat bacaan ritual pembukaan cahaya

Sumber: Internet

<http://ch.therakyatpost.com/national-news/97380>



Gambar 4.7: Kostum Singa size gergasi

Kostum Singa Selatan '*Liu Bei Shi*' yang saiz gergasi dipamerkan kepada masyarakat.

Sumber: Internet

http://news.takungpao.com/paper/q/2015/0205/2912562_print.html



Gambar 4.8: Kostum Singa size kecil

Kostum Singa Selatan yang saiznya kecil dibuat khas untuk kanak-kanak

Sumber: Permerhatian (2015)

e) Peralatan Muzik Tarian Singa

Peralatan muzik asas tarian singa adalah '*bo*' simbal, '*luo*' gong dan '*gu*' gendang. Peralatan muzik '*bo*, *luo*, *gu*' merupakan alat muzik tradiasional kaum Cina. Ketiga-tiga alat muzik ini perlu dimainkan dengan rentakan yang selaras dengan pergerakan tarian singa. Bunyi rentakan gendang paling penting untuk menghasilkan suasana meriah. Jika tiada bunyi gedang persembahan tarian singa akan menjadi persembahan yang tiada perasaan dan jiwa.



Gambar 4.9: '*Bo*' simbal

Sumber: Kerja Lapangan (2015)

Alat muzik '*bo*' atau simbal diperbuat daripada kepingan gangsa atau tembaga. Ia juga dikenali sebagai '*ceng-ceng*' dalam dialek Hokkien. Simbal juga digunakan dalam upacara ritual kaum Cina. Masyarakat Cina percayai bahawa '*bo*' mamapu menghasilkan bunyi yang dapat menakutkan kuasa jahat.



Gambar 4.10: '*Luo*' gong

Sumber: Kerja Lapangan (2015)

Alat muzik '*luo*' atau gong merupakan alat muzik pukul tradisional Cina. Gong ini diperbuat daripada bahan logam. Gong mempunyai banyak jenis dan size, gong kecil yang digunakan dalam tarian singa. Semasa bermain tangan kiri perlu menahan dalam gong dan tangan kanan memegang pemukul gong. Tangan kiri menahan gong dari belakang dalam gong tersebut untuk mengawal bunyi dan tahan gong tersebut ketika melakukan pukulan.



Gambar 4.11: ‘Gu’ gendang

Sumber: Kerja Lapangan (2015)

Alat muzik ‘gu’ atau gendang adalah alat muzik pukul yang pertama wujud sebelum alat-alat muzik pukul tradisional Cina yang lain. Permukaan diperbuat daripada kulit haiwan (lembu, kerbau atau kambing), bahagian atas sekeliling dipaku besi dan sertai 2 alat pembukul. Gendang mempunyai pelbagai jenis size dan gendang sederhana digunakan untuk iringi persembahan tarian singa.

4.2.2 Asal-usul Tarian Singa

Seni persembahan Tarian Singa berasal daripada China dan diamalkan oleh masyarakat Cina. Terdapat banyak versi mengenai asal-usul tarian singa:

a) *Wu Fang Shi Wu*

Menurut legenda dari negara China, tarian singa berasal dari Dinasti Tang utara dan selatan. Singa mempunyai rekod terawal ditulis dalam sejarah, iaitu pada selepas pemerintahan Maharaja Tang Gao Zu. Dalam sejarah mencatat mengenai tarian singa dan menyatakan fungsi tarian singa dipersembahkan. Tarian singa direka untuk aktiviti persembahan jemputan tetamu. Pada dahulu, persembahan tarian singa dipanggil sebagai “wu fang shi wu” yang bermaksud persembahan tarian singa lima aspek. Hal ini menyebabkan wujudnya rupa bentuk dan prototaip awal persembahan tarian singa dan membawa prototaip ini hingga kini.

b) *Jin Mao Hou*

Selain itu, terdapat versi yang berlainan mengatakan asal-usul tarian singa. Versi kedua dari timur tengah menyatakan bahawa tarian singa juga dikenali sebagai “jin mao hou” yang bererti raungan si bulu emas. Dalam sekitar 1900 tahun dahulu, Iran dan China melalui perhubungan ekonomi, duta Iran membawa haiwan singa ke China sebagai pertanda penghormatan kepada China. Kemudian rakyat China pada masa tersebut, mula meniru imej haiwan singa melukis singa dan beransur-ansur proses mengolah rupa wajah singa kepada kesenian. Kesenian tarian singa mula dipersembahkan di dalam Istana, dan kemudian merebak ke rakyat. Pada akhir Dinasti Ming dan permulaan Dinasti Qing, kesenian tarian singa dibawa keluar dari China oleh rakyat-rakyat yang berpindah ke merata-rata tempat. Hal ini berlaku disebabkan rakyat anti Dinasti Qing dan mereka tubuhkan organisasi membangunkan Dinasti Ming.

c) *Versi Legenda Tarian Singa*

Legenda rakyat tentang kewujudan singa pada masa lampau. Legenda rakyat tentang tarian singa mempunyai dua versi. Versi pertama legenda rakyat tentang tarian singa adalah zaman China kuno sering melanda malapetaka. Selepas muncul seekor binatang bertanduk satu,

malapetaka dan penyakit merebak hilang. Ketika itu penduduk menggelar binatang tersebut sebagai 'nian shou'. Binatang 'nian shou' mengeluarkan bunyi bergemuruh seperti petir. Disebabkan 'nian shou' berjasa dan memberi bantuan besar, maka penduduk meniru bunyi dan rupa bentuk 'nian shou'. Setiap musim menuai, perayaan atau festival, penduduk akan persembahkan tarian 'nian shou'. Buluh yang dibentuk menjadi kepala 'nian shou' dicat dengan warna-warna terang digunakan sebagai peralatan menari mewakili 'nian shou'. Semasa menari disertai dengan bunyi pukulan gendang gong besar. Tarian ini dipersembah di setiap hadapan rumah, agar dapat menghalang dan halau roh-roh jahat.

Versi kedua legenda rakyat tentang tarian singa adalah pada masa lampau di negara China terdapat sebuah kampung kecil, setiap tahun akan mempunyai bunyi raksasa "nian". Raksasa "nian" ini tidak berbahaya, tetapi ia adalah perosak hasil pertanian kampung kecil tersebut. Raksasa "nian" suka makan hasil pertanian. Hal ini menjadi masalah kepada para petani kampung. Maka para petani mencari jalan penyelesaian dengan menggunakan buluh membina rupa bentuk raksasa dan ditambah kain segi tiga sebagai badan raksasa. Dalam pembinaan raksasa tersebut didiami dua orang. Pada tahun yang seterusnya, kemunculan semula raksasa "nian", para petani mengetuk periuk dan mengeluarkan bunyi yang kuat serta dua orang menggunakan buluh raksasa menari sehingga raksasa "nian" takut dan melarikan diri ke hutan. Selepas kejadian itu, raksasa "nian" tidak muncul lagi di kampung kecil itu.

d) Legenda Tarian Singa Dinasti Tang

Terdapat juga legenda tarian singa daripada Dinasti Tang. Legenda ini mengatakan bahawa maharaja bermimpi kelihatan mempunyai sekumpulan rakyatnya yang menyambut sesuatu hari perayaan. Dalam perayaan tersebut mempunyai bentuk tarian daripada seekor binatang yang mirip raksasa singa sedang menari, warna rupa raksasa singa yang

menyenangkan mata. Apabila mulanya raksasa singa menari, terdapat *octave* muzik perkusi yang mengiringi. Selepas maharaja bangun dari mimpi tersebut, terus menyuruh hambanya membuat persembahan sedemikian. Persembahan tersebut diberi nama sebagai '*xing shi*'.

e) Kota Cang Zhou

Di samping itu, berdasarkan legenda dewa-dewi zaman lampau mengatakan bahawa Kota Cang Zhou, China dahulu adalah sebuah kota yang mempunyai pemandangan yang indah dan tanah yang subur. Pada suatu hari, kemunculan sekumpulan serigala yang membawa masalah kepada kota tersebut. Sekumpulan serigala membunuh haiwan ternakan, menyakiti orang dan menakutkan penduduk sekitar kota. Pada waktu senja, kemasukan sekumpulan serigala ke bandar menyebabkan berlaku masalah kritikal. Tiba-tiba pada waktu tersebut, muncul cahaya keemasan dan menunjuk ke arah haiwan yang berbulu keriting kuning keemasan dan mirip singa. Haiwan tersebut menguap dan mata memandang terhadap sekumpulan serigala. Dengan angin yang kencang, sekumpulan besar singa turun dari awan dan menyerang serigala-serigala. Dalam sekelip mata sekumpulan besar singa menghapuskan semua serigala. Selepas kejadian itu, penduduk-penduduk meniru rupa wajah dan bentuk badan haiwan singa. Serta meniru pergerakan dan iringi dengan pukulan gong dan gendang, menakutkan serigala-serigala yang datang. Penduduk terus melakukan sedemikian sehingga menjadi budaya mereka dan mewarisi kepada generasi seterusnya. Generasi seterusnya mengamalkan dan main tarian singa pada musim perayaan. Tarian singa ini juga merebak ke seluruh negara Chiana. Kota Cang Zhou pada dahulu mempunyai reputasi sebagai 'Kota Singa'.

f) Foshan Guandong

Menurut informan Yoong Dak Looh terdapat suatu cerita tentang asal-usul tarian singa daripada Foshan Guandong. Pada salah sebuah perkampungan kecil di Foshan Guandong,

mempunyai seekor singa yang garang dan ganas yang membawa ancaman kepada penduduk kampung. Selepas didengari oleh sifu seni pertahanan wushu perkara tersebut, dia sanggup berlawan dengan singa ganas tersebut demi kejaminan keselamatan penduduk kampung. Tetapi sifu telah berlawan tiga kali dengan si singa masih belum ada pihak mana yang menang dan kalah lagi. Disebabkan sifu tidak dapat kalahkan singa tersebut, maka dia mengajar para penduduk kampung sebar sedikit tentang ilmu pertahanan diri, agar mereka dapat menyelamatkan diri daripada singa ganas. Setelah mereka pelajari ilmu pertahanan dan terus berlawan dengan singa. Penduduk kampung beramai-ramai meyerang singa ganas dengan ilmu pertahanan yang diajar oleh sifu. Penduduk kampung dan sifu berjaya mengalahkan singa ganas. Untuk memperingati kemenangan dan jasa sifu, penduduk kampung mempersembahkan lakonan perlawanan antara singa ganas dan sifu. Persembahan perlawanan ini mewujudkan tarian singa. Menurut informan lagi, asal-usul mengenai tarian singa semuanya hampir sama dan tidak dapat membuktikan mana versi yang benar sepenuhnya.

4.3 Pengurusan Tarian Singa dalam PTNSWS

Hasil dapatan kajian seterusnya mengenai sistem pengurusan tarian singa dalam PTNSWS adalah bagi menjawab objektif kedua dalam kajian ini. Objektif kedua adalah mengkaji tentang pengurusan tarian singa dalam Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak (PTNSWS) yang terdapat dalam bab satu muka surat 6.

PTNSWS merupakan sebuah organisasi kesenian warisan Cina dan organisasi suka serta sukan pertahanan. Penubuhan PTNSWS pada 2010 adalah untuk memelihara dan mengekalkan kesenian warisan Cina serta membangunan dan memperkembangkan Tarian Singa, Naga dan

Wushu. Tujuan utama PTNSWS ditubuhkan adalah untuk memupuk dan menerapkan kesenian warisan Cina kepada generasi muda dan kanak-kanak, agar warian kesenian Cina tidak dilupai dan terus berkembang sehingga masa-masa depan. Oleh itu, PTNSWS telah membuka 3 kelas pembelajaran kesenian warisan Cina. Terdapat 3 kelas yang mengajar kesenian warisan Cina yang berbeza iaitu kelas tarian singa, kelas tarian naga dan kelas wushu. Kelas-kelas ini dibuka untuk generasi muda dan kanak-kanak, umur 7 tahun hingga 30 tahun. Kelas tersebut memberi peluang kepada generasi muda mempelajari ilmu kesenian warisan Cina.

Dapatan kajian ini menekankan kepada pengurusan pengeluaran, sumber manusia, kewangan dan pemasaran di PTNSWS, secara khususnya mengkaji pengurusan tarian singa dalam persatuan ini.

4.3.1 Pengeluaran

a) Kelas Kesenian Warisan Cina (Tarian Naga, Tarian Singa dan Wushu)

Pengeluaran PTNSWS adalah dari segi perkhidmatan. Iaitu persatuan ini mempunyai kelas-kelas kesenian warisan Cina, seperti kelas tarian singa, tarian naga dan wushu. Kelas-kelas tersebut diadakan pada Selasa, Rabu dan Khamis setiap minggu dan jam 7 malam sehingga 9 malam. Lokasi kelas-kelas tersebut adalah sama iaitu di dewan *Chung Hua Middle School No.3 Kuching*. Yuran bulanan setiap kelas adalah seorang RM15. Kelas-kelas tersebut diuruskan oleh jurulatih masing-masing. Kelas tarian singa diajar oleh jurulatih tarian singa yang profesional iaitu Vincent Thong Hing Chang. Dalam kelas tarian singa tersebut, bukan sahaja dapat mempelajari ilmu tarian singa bahkan juga dapat mempelajari nilai-nilai moral, tatatertib dan peraturan pertandingan tarian singa.

b) Anjuran dan Pengurusan Acara

PTNSWS dijemput oleh Boulevard Shopping Center setiap tahun untuk berkerjasama sebagai pengajur dalam acara pertandingan tarian singa ‘BOULEVARD Lion Dance Tournament’. PTNSWS merupakan salah satu anjuran yang berkerjasama melaksanakan acara ini. Dalam pengurusan acara tersebut berdasarkan 3 perkara iaitu persediaan, semasa pelaksanaan dan penutup. Pengurusan acara ini hanya melibatkan persediaan pada peringkat awal kerana acara ini berlakutan setiap tahun di lokasi yang sama. Ahli-ahli jawatankuasa PTNSWS perlu berkerjasama dengan Chinese Martial Art Association (CMAA) dalam menjayakan acara ini. CMAA juga merupakan anjuran dalam acara ini. Selain daripada acara ini, PTNSWS juga menganjurkan pelbagai acara yang berkaitan dengan tarian naga dan wushu. PTNSWS mempunyai pengalaman dalam pengurusan acara seperti pertandingan, upacara ‘dian jing’, persembahan sempenan perayaan, upacara ‘you xing’ dan sebagainya.

c) Persembahan Tarian Singa

Selain itu, PTNSWS juga mempunyai persembahan tarian singa, tarian naga dan wushu di sekitar Kuching. Persembahan tarin singa lebih banyak permintaan berbanding tarian naga dan wushu. Kebiasaanya, persembahan tarian singa PTNSWS dijemput oleh tokong-tokong sekitar Kuching. Persembahan tarian singa di tokong adalah kerja amal sahaja tiada caj banyaran dikenakan pada tokong. Persembahan tarian singa di sekitar Kuching dikenakan caj bayaran antara RM 750 hingga RM 2800 berdasarkan pakej boleh rujuk pada jadual 4.1. Pengurusan persembahan tarian singa, tarian naga dan wushu diuruskan oleh perhubungan awam. Perhubungan awam dalam PTNSWS adalah Nelson Nguang merupakan bekas jurulatih tarian singa dalam persatuan ini. Perhubungan awam akan berurusan dengan pelanggan tentang pakej persembahan dan tempatan

iaitu memastikan tempat, tarikh dan masa persembahan. Di samping itu, perhubungan awam juga akan menyediakan jadual persembahan kepada ahli-ahli persembahan.

d) Kem Latihan Tahunan

Di samping itu, PTNSWS juga mengadakan kem latihan tarian singa pada setiap tahun. Kem latihan biasanya akan berlansung sebanyak 3 hari 2 malam. Kem latihan tersebut diadakan pada musim cuti persekolahan bulan November, kerana kebanyakan ahli-ahli PTNSWS merupakan pelajar. Kem latihan tersebut dikenakan bayaran berdasarkan tempat, masa dan aktiviti yang menjalankan dalam kem tersebut. Kem latihan berperanan mengeratkan hubungan antara ahli-ahli dan memupuk persefahaman serta keselarasan mereka secara kumpulan. PTNSWS akan menjemput jurulatih tarian singa luar yang berpengalaman dan profesional memberi ceramah atau ajaran latihan khas dalam kem latihan tersebut. Kem latihan tahunan akan diuruskan oleh ahli-ahli jawatan kuasa PTNSWS. Ahli-ahli jawatan kuasa menguruskan kem latihan berdasarkan 3 perkara iaitu perancangan dan persediaan, semasa pelaksanaan (3 hari 2 malam) dan penutup.

Jadual 4.1: Senarai jenis pakej persembahan tarian singa

Jenis Pakej Tarian Singa	Harga (RM)
<u>Pakej A</u> - 2 ekor Singa - 10 – 15 minute	RM 750
<u>Pakej B</u> - 2 ekor Singa - Seorang penghibur	RM 880

- 20 – 25minute	
<u>Pakej C</u>	
- 4 ekor Singa	
- 10 – 15 minute	RM 1500
<u>Pakej D</u>	
- 4 ekor Singa	
- Seorang penghibur	RM 1800
- 20 – 25 minute	

*harga akan ditambah berdasarkan jarak destinasi tempat persembahan

4.3.2 Pengurusan Sumber Manusia

Seni persembahan tarian singa di Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak (PTNSWS) diurukan oleh tenaga sumber manusia yang tersendiri. Tenaga sumber manusia yang berkerja di PTNSWS kebanyakannya adalah kaum Cina Sarawak. Pengurusan sumber manusia akan terangkan dengan memfokus kepada jawatan atasan dan jawatan-jawatan kuasa yang mengenai pengurusan tarian singa. Selain itu, hasil dapatan kajian juga akan menjelaskan mengenai sistem dan kaedah pengurusan sumber manusia yang digunakan dalam pengurusan terhadap tarian singa.

Jawatan-jawatan atasan dalam Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak (PTNSWS) adalah seperti berikut:

a) Pengerusi

Pengerusi merupakan orang yang paling penting dalam setiap organisasi, pengerusi juga merupakan orang yang mewakili imej PTNSWS. Jawatan pengerusi adalah jawatan atasan dan secara tidak langsung tugas dan tanggungjawab lebih berat dan banyak berbanding jawatan atasan yang lain. Antara tugas dan tanggungjawab pengerusi adalah:

- Melantik ahli jawatankuasa dan penubuhan jawatan atau unit yang difikir perlu dalam persatuan
- Mempunyai kuasa untuk membuat keputusan demi kebaikan PTNSWS tetapi perlu melalui mesyuarat dengan pengurusan atasan
- Tandatangani bagi pengeluaran wang ringgit dari akaun simpanan PTNSWS untuk kegunaan persatuan (bendahari juga akan tandatangani untuk kebenaran pengeluaran wang ringgit)
- Menghadiri mesyuarat jemputan luar dan jemputan acara-acara penting
- Mengetuai mesyuarat dan bertanggungjawab membawa atau memandu kelancaran mesyuarat serta memastikan segala keputusan yang diputuskan mempunyai tindakan yang bersesuaian.

b) Timbalan Pengerusi

Timbalan pengerusi boleh mewakili pengerusi menguruskan sesetengah tugas pengerusi dalam pengurusan PTNSWS, jika pengerusi tiada di sekitar Kuching. Peranan dan tanggungjawab timbalan pengerusi adalah:

- Membantu tugas pengurus dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberinya
- Menerima arahan pengurus dari masa ke masa
- Membantu pengerusi dalam rancangan dan pelaksanaan program atau aktiviti
- Mengetuai mesyuarat ketika ketiadaan pengerusi

c) Setiausaha

Setiausaha boleh dikatakan adalah orang yang menguruskan segala pengurusan mencatat dan menuliskan serta menjadi orang pertengahan antara jawatan atasan dan jawatan-jawatan kuasa persatuan PTNSWS. Berikut adalah tugas dan tanggungjawab setiausah PTNSWS:

- Melakukan kerja-kerja dan urusan surat-menyurat PTNSWS
- Menyediakan laporan tahunan PTNSWS dan laporan lain yang berkaitan dengan PTNSWS (laporan kem latihan dan laporan acara-acara yang dianjurkan oleh PTNSWS)
- Menghubungi atau memaklumkan masa, tempat dan jenis mesyuarat kepada jawatan atasan dan jawatan-jawatan kuasa, setelah mendapat persetujuan daripada pengerusi
- Menguruskan kerja-kerja mesyuarat seperti, mencatat dan menyimpan semua minit mesyuarat dan dokumen-dokumen PTNSWS
- Menjalani tugas-tugas lain yang diberi dan diarah oleh pengerusi dan timbalan pengerusi PTNSWS

d) Bendahari

Menurut informan Encik Calvin Kong, bendahari perlu adalah seorang yang amanah, integriti dan bertanggungjawab dalam pengurusan kewangan PTNSWS. Beliau merupakan bekas bendahari di PTNSWS pada tahun 2010 hingga 2015. Beliau juga merupakan jurulatih wushu dalam persatuan ini. Peranan dan tanggungjawab bendahari dalam PTNSWS adalah seperti yang dinyatakan dibawah ini:

- Tandatangani bagi pengeluaran wang ringgit dari akaun simpanan PTNSWS untuk kegunaan persatuan (pengerusi juga akan tandatangani untuk kebenaran pengeluaran wang ringgit)
- Memegang akaun simpanan PTNSWS dan bertanggungjawab menguruskan hal-hal akaun tersebut
- Mengurus dan bertanggungjawab berkaitan dengan semua hal-hal kewangan persatuan PTNSWS
- Menyediakan penyata kewangan melalui perkomputer (*Microsoft Word & Excel*) untuk setiap aktiviti atau program PTNSWS
- Membentangkan penyata kewangan dalam Mesyuarat Tahunan
- Menjalani tugas yang diarah dan diberi oleh pengerusi dari masa ke masa

Jawatan-jawatan kuasa dalam Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak (PTNSWS) yang mengenai pengurusan tarian singa adalah seperti berikut:

a) Perhubungan Awam

Perhubungan awam PTNSWS perlu merupakan orang yang pandai berbudi bicara atau terdapat kemahiran komunikasi yang bagus dan mempunyai hubungan baik dengan pihak luar dan pihak dalaman PTNSWS sendiri. Perhubungan awam bertanggungjawab dan berperanan sebagai:

- Berhubungan dengan pihak luar tentang jemputan dan tempahan persembahan tarian singa, tarai naga atau wushu
- Selepas menerima tempahan atau jemputan persembahan, penghubungan awam akan menyediakan jadual persembahan kepada ahli-ahli PTNSWS
- Menguruskan bahagian promosi PTNSWS kepada masyarakat luar melalui media sosial *facebook*: “砂拉越龍獅武術總會 *Persatuan Tarian Naga, Tarian Singa Dan Wushu Negeri Sarawak*”
- Berurusan dan menjalini hubungan baik dengan pihak media seperti syarikat surat akhbar, majalah dan sebagainya

b) Ketua peralatan muzik dan kostum

Unit peralatan muzik dan kostum adalah bertanggungjawab memastikan peralatan muzik dan kostum serta barangan-barangan bawa jagaan mereka dalam keadaan yang baik dan berfungsi. Jika berlaku kes kehilangan atau kerosakan peralatan muzik dan kostum, mereka perlu menyediakan laporan kerosakan dan hantar kepada pihak atasan. Unit ini juga mempunyai ahli-ahli yang kreatif dan inovasi dalam melakukan kerja-kerja pertukangan *reuse* semula peralatan-peralatan yang lama atau rosak. Contohnya, mereka menggunakan

gedang Cina yang lama dan tidak berfungsi lagi, berubah menjadi perhiasan dekorasi ketika persembahan tarian singa mahupun tarian naga. Unit ini diketuai oleh Joshua Soh Kwang Hua yang merupakan ahli pemuzik dalam PTNSWS. Peranan dan tanggungjawab ketua peralatan muzik dan kostum adalah:

- Memegang buku catatan dan mencatat segala keluar masuk peralatan muzik dan kostum serta barangan lain
- Menganalisis jangka hayat peralatan muzik, kostum dan barangan lain
- Setiap hujung bulan melakukan kerja-kerja memelihara barangan seperti bersihkan dan kemaskan peralatan muzik dan kostum serta semak bilangan barangan
- Menyediakan peralatan muzik, kostum dan barangan yang diperlukan ketika persembahan tarian singa
- Menyediakan laporan kerosakan atau kerosakan
- Memberi cadangan pembelian peralatan muzik dan kostum ketika Mesyuarat Tahunan jika perlu



Gambar 4.12: Gendang lama yang roask

Gendang yang rusak disimpan untuk kegunaan semula sebagai dekorasi atau kegunaan ketika persembahan tarian singa.

Sumber: Kerja Lapangan (2016)



Gambar 4.13: Kegunaan gendang yang diubahsuai

Anak panak merah menunjukkan gendang yang rosak digunakan semula sebagai tempat berdirinya Singa ketika melakukan aksi-aksi melompat.

Sumber: Kerja Lapangan (2015)

c) Jurulatih Tarian Singa

Jurulatih tarian singa dalam PTNSWS mempunyai 2 orang sahaja. Menurut informan, persatuan ini kekurangan tenaga pengajar yang tetap. Jurulatih tarian singa Vincent Thong Hing Chang merupakan jurulatih profesional dan separuh masa dalam PTNSWS. Beliau mengatakan bahawa sukar mencari jurulatih tarian singa yang profesional dan sanggup berkerja tanpa gaji. Menurut informan lagi, semua tenaga kerja pengurusan dan tenaga pengajar dalam persatuan PTNSWS adalah tanpa gaji, mereka hanya melakukan kerja secara sukarela atau demi persatuan dan minat mereka terhadap kesenian warisan Cina. Antara tugas dan tanggungjawab sebagai seorang jurulatih tarian singa adalah:

- Mengumpul dan menyimpan maklumat pendaftaran ahli-ahli tarian singa
- Memaklumkan informansi berkaitan persembahan tarian singa kepada para ahli yang berkenaan
- Melakukan jadual pembahagian ahli tarian singa
- Mengajar kelas latihan tarian singa pada setiap Selasa, Rabu dan Khamis pada jam 7 malam sehingga 9 malam bertempat di dewan *Chung Hua Middle School No.3 Kuching*
- Memberi ajaran ilmu tarian singa, moral, tata tertib dan peraturan-peraturan semasa pertandingan tarian singa
- Bertanggungjawab menjaga keselamatan ahli-ahli ketika latihan tarian singa
- Menjalani tugas-tugas lain yang diberi dan diarah oleh pengerusi

d) Keselamatan

Unit keselamatan persatuan ini, terdiri daripada ahli-ahli biasa PTNSWS. Mereka bertanggungjawab menjaga keselamatan ahli-ahli lain ketika menjalankan persembahan. Contohnya, semasa persembahan tarian singa akan mempunyai 2 hingga 4 ahli keselamatan yang menjaga keselamatan penari tarian singa. Tugas ahli keselamatan adalah:

- Menjaga keselamatan ahli-ahli ketika menjalankan persembahan
- Menujuk arah kepada penari tarian singa ketika persembahan
- Memastikan kerja-kerja keselamatan dilakukan dengan baik oleh unit peralatan muzik dan kostum
- Menyediakan *first aid-kit* ubat-ubatan dan nombor kecemasan ambulance

Hasil dapatan yang dikumpul mengenai sistem dan kaedah pengurusan sumber manusia yang digunakan dalam pengurusan terhadap tarian singa adalah seperti berikut:

a) Buku Catatan (*Log Book*)

Buku catatan ini digunakan oleh bahagian unit peralatan muzik dan kostum untuk memcatat segala kepentingan barangan. Perkara-perkara yang mempunyai dalam buku catatan adalah catatan bilangan barangan, analisis jangka hayat barangan, catat barangan yang rosak dan tarikh masuk keluar barangan serta catat sebab dikeluarkan barangan. Brangan yang dicatat dalam buku tersebut adalah peralatan muzik, kostum singa, kostum naga dan barangan lain-lain. Buku catatan ini berfungsi sebagai memastikan lokasi barangan dan mengelakkan barangan hilang. Digunakan dalam

kerja-kerja menyemak barangan yang ada dalam *store* dan memastikan barangan tersebut dalam keadaan yang bagus. Kebanyakan barangan yang dicatat dalam buku catatan adalah barangan yang berharga mahal. Dengan adanya buku catatan ini melincinkan lagi pengurusan dalam unit peralatan muzik dan kostum.

b) Jadual-jadual

Menggunakan kaedah jadual dapat memudahkan, tersusun, cekap dan cecutkan kerja-kerja pengurusan tarian singa. Jadual-jadual yang digunakan dalam pengurusan tarian singa adalah jadual kerja, jadual pembahagian ahli tarian singa dan jadual persembahan tarian singa (sempena Tahun Baru Cina). Jadual kerja adalah disediakan oleh setiausaha bagi tenaga pengajar yang bertugas semasa kelas latihan tarian singa, kelas latihan tarian naga dan kelas latihan wushu. Dari segi jadual pembahagian ahli tarian singa pula, merupakan jadual yang dibuat bagi pembahagian ahli-ahli tarian singa kepada kumpulan-kumpulan kecil. Jadual pembahagian ini memudahkan mereka berlatih mengikut kumpulan. Dalam jadual ini terdapat 3 kumpulan iaitu, kumpulan A, B dan C. Setiap kumpulan terdiri daripada 8 ahli dan ahli-ahli mempunyai tugas masing-masing iaitu 5 orang sebagai penari singa, 3 orang sebagai ahli pemuzik. Selain itu, dari segi jadual persembahan tarian singa pula, dibuat oleh perhubungan awam bagi ahli-ahli tarian singa mengetahui tentang tarikh, masa dan tempat persembahan tarian singa. Menurut informan, jadual ini akan dibuat ketika musim perayaan seperti upacara dan Tahun Baru Cina sahaja, kerana pada hari biasa PTNSWS tidak mendapat tempahan dan jemputan persembahan yang banyak.

c) Maklumat Pendaftaran

Maklumat pendaftaran adalah satu sistem maklumat dokumen yang dicatat oleh jurulatih melalui *Microsoft Word*. Dalam dokumen ini menyimpan biodata ringkas setiap ahli tarian singa. Kadungan dalam biodata ringkas seperti nama penuh ahli, jantina, alamat rumah, nombor telefon, nombor telefon penjaga, tarikh pendaftaran dalam PTNSWS, pengalaman dalam tarian singa dan maklumat kesihatan. Dengan adanya maklumat-maklumat semua ini dapat membantu pengurusan sentiasa dan jurulatih. Apabila berlaku kecemasan dokumen ini sangat membantu dari segi maklumat dalamnya seperti nombor telefon penjaga dan maklumat kesihatan. Selain itu, dokumen ini juga akan dijadikan sebagai rekod bilangan ahli dalam bahagian tertentu. Contohnya, bahagian tarian singa terdapat 25 ahli dan 2 orang jurulatih tarian singa.

Kekurangan dan kebaikan dalam pengurusan sumber manusia yang berkenaan dengan bahagian tarian singa adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual dibawah ini:

Jadual 4.2: Kekurangan dan kebaikan pengurusan sumber manusia PTNSWS

Kekurangan	Kebaikan
➤ Kekurangan kakitangan • kurang tenaga pengajar (jurulatih tarian singa, tarian naga dan wushu)	➤ Mempunyai carta organisasi yang sistematik ➤ Mempunyai tenaga pengajar yang profesional

• kuarang tenaga kerja dalam unit peralatan muzik dan kostum dan unit keselamatan	➤ Menggunakan sistem dan kaedah yang baik semasa pengurusan ➤ Mempunyai sistem perhubungan awam yang baik dengan masyarakat Kuching, sosial media (syarikat surat akhbar), dan pihak kerajaan Sarawak
---	--

4.3.3 Pengurusan Kewangan

Berdasarkan maklumat yang diberi oleh informan Encik Calvin Kong yang merupakan bekas bendahari persatuan. Beliau mengatakan PTNSWS menggunakan akaun simpanan menguruskan kewangan persatuan ini. Fungsi akaun simpanan disediakan untuk memudahkan urusan kewangan PTNSWS. Jika terdapat urusan pengeluaran wang simpan dalam akaun simpanan PTNSWS, memerlukan tandatangan dari dua jawatan tinggi dalam persatuan, iaitu bendahari dan pengurus persatuan ini. Menurut informan, perlu melakukan prosedur sedemikian adalah menjamin kewangan PTNSWS. Selain itu, ia juga menjadi rekod kewangan dalam perakaunan persatuan.

Menurut informan lagi, sumber kewangan persatuan adalah daripada wang upahan semasa persembahan, dana tahunan kerajaan, yuran kelas kesenian warisan Cina dan penajaan. Wang upahan persembahan berdasarkan pakej persembahan dan terdapat juga upahan dari segi *angpao*. Wang upahan *angpao* kebanyakan diterima ketika mereka melakukan persembahan secara sukarela atau persembahan upacara ritual. Pihak kerajaan juga ada bagi dana kepada persatuan setiap tahun.

Dana kerajaan adalah bergantung kepada bajet tahun tersebut. Pada tahun 2015, PTNSWS telah mendapat dana sebanyak RM3000. Di samping itu, terdapat juga sumber kewangan daripada kelas-kelas kesenian warisan Cina yang diadalan oleh persatuan. Kelas kesenian warisan Cina seperti kelas tarian naga, tarian singa dan wushu. Encik Calvin Kong mengatakan bahawa sumber kewangan daripada kelas-kelas ini hanya mampu membayar sewa dewan, sewa store dan bil bulanan elektrik dan air sahaja. Jika PTNSWS menyertai sebagai pihak anjuran dalam acara-acara pertandingan atau persembahan akan diberi wang ringgit daripada pihak penaja.

Encik Calvin Kong mengatakan bahawa kewangan PTNSWS masih belum stabil. Kebanyakan barangan yang dibeli oleh PTNSWS secara hutang dahulu dan bayar pada akhir tahun. Selain itu, PTNSWS juga akan membeli barangan kegunaan perstuan pada akhir tahun atau awal tahun dengan menggunakan dana tahunan kerajaan dan upahan persembahan ketika perayaan Tahun Baru Cina. Anggaran kos bulanan yang perlu dibayar oleh PTNSWS adalah antara RM1200 hingga RM1800 sebulan. Kos bulanan daripada kos penyewaan dewan sebanyak RM800, kos penyewaan store sebanyak RM400 dan kos bil elektrik dan air serta kos lain-lain.

Berdasarkan maklumat daripada informan, kostum-kostum singa dan peralatan muzik hanya mampu digunakan selama 3 tahun lebih sahaja. Hal ini disebabkan, warna kostum singa akan luntur apabila tempoh lama dan peralatan muzik akan rosak atau tidak dapat menghasikan bunyian irama yang tepat. Ia bermakna selepas 3 tahun perlu membeli kostum-kostum dan peralatan muzik yang baru. Satu kostum singa berharga RM2000 keatas dan alat muzik gendang seunit berharga RM800 keatas. Kebanyakan PTNSWS akan membeli kostum singa dan peralatan muzik seperti gendang daripada negara China. Mereka juga pernah menerima tajaan kostum singa dan peralatan muzik daripada pihak swasta atau syarikat. Contohnya, mereka pernah menerima tajaan kostum naga daripada *Life Café*. Gambar 4.14 adalah kostum naga yang ditaja oleh *Life Café*.



Gambar 4.14: Kostum Naga yang ditaja oleh Life Café kepada PTNSWS

Sumber: Kerja Lapangan (2016)

4.3.4 Pengurusan Pemasaran

Berdasarkan maklumat yang diperolehi ketika temu bual, PTNSWS tiada mengadakan pemasaran atau promosi yang memerlukan wang ringgit. Hal ini demikian kerana, PTNSWS tiada wang ringgit yang lebih mengadakan pemasaran. Tetapi PTNSWS juga tidak abaikan pemasaran atau promosi persatuan kepada orang awam. PTNSWS melakukan promosi melalui laman sosial *facebook* dengan nama akaun “砂拉越龍獅武術總會 *Persatuan Tarian Naga, Tarian Singa Dan Wushu Negeri Sarawak*”. Dalam laman sosial *facebook* mempunyai maklumat-maklumat tentang PTNSWS dari semasa ke semasa. Selain itu, PTNSWS juga dikenali oleh masyarakat Kuching melalui pertandingan, persembahan, acara-acara dan surat khabar serta media massa lain. Di samping itu, persatuan PTNSWS juga mengadakan pakej promosi persembahan tarian singa ketika

perayaan Tahun Baru Cina. Pakej promosi persembahan Tahun Baru Cina akan ditetapkan berdasarkan harga pasaran. Menurut informan, mereka akan mengadakan satu mesyuarat dahulu sebelum melakukan kerja-kerja promosi ketika perayaan Tahun Baru Cina.

PTNSWS banyak berkerjasama dan mengadakan aktiviti dengan pihak kerajaan, hal ini juga merupakan salah satu peluang pengenalan PTNSWS kepada orang ramai. PTNSWS berkerjasama rapat dengan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sarawak, Perbadanan Sukan Sarawak, Majlis Sukan Sarawak dan Kementerian Pembangunan Sosial untuk aktiviti-aktiviti di Sarawak. Selain itu, pada tahun 2016 ini PTNSWS dijemput oleh pihak kerajaan untuk menyertai Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak 2016. PTNSWS sebagai salah satu pengajur acara dalam SUKMA Sarawak 2016. Tarian naga dan singa ditetapkan sebagai pertandingan atau acara pertama dalam Sarawak SUKMA XVIII 2016. Dengan adanya PTNSWS dalam Sarawak SUKMA dapat meningkatkan lagi pemasaran atau promosi PTNSWS kepada masyarakat Kuching mahupun seluruh Malaysia. Di bawah adalah gambar-gambar keratan akhbar mengenai PTNSWS:

KUCHING: Sarawak Dragon-Lion Dance and Wushu Association (PTNSWS) officials led by its president Lee King Choon paid a courtesy call on Dr Ong Kong Swee CEO of Sarawak Sports Corporation recently.



During the meeting Lee briefed Ong on development programmes and activities of PTNSWS.

Lee disclosed that through its schools development programmes PTNSWS had recruited more than 1500 members under 28 coaches and assistants from 35 secondary and 24 primary schools in eight divisions in the state namely Kuching, Kota Samarahan, Betong, Mukah, Sarikei, Sibu, Bintulu and Miri.

PTNSWS had also held the Sarawak Inter-School, Borneo Cup, Boulevard, Sarawak Traditional Lion Dance, Sarawak Dragon Dance, Bintulu invitational and Miri Invitational earlier this year.

Lee added that this weekend more than 100 participants are attending the Sarawak Dragon-Lion Dance Coaching & Refereeing course organised to promote dragon-lion dance knowledge and technical expertise amongst dragon-lion dance officials and to create bigger pool of qualified coaches and judges.

Among the PTNSWS delegation for the courtesy call were its Advisor Chester Lim, deputy president Yung Dak Looh, vice president Tiong Ching Chiong, secretary general Fredrick Kueh, treasurer Calvin Kong and technical chairman Nelson Nguang.

Gambar 4.15: Laporan akhbar online

Laporan akhbar *online* mengenai mesyuarat PTNSWS bersama *CEO Sarawak Sports Corporation*.

Sumber: Kerja Lapangan (2016)



PTNSWS President, Lee King Choon (sixth left) handing over a souvenir to Sarawak Sports Commissioner, Lamat Ak Nyalau as Chester Lim (eighth left), Course Organising Chairman, Nelson Nguang (fourth right) look on.

PTNSWS urged to promote activities, competitions throughout state

KUCHING: Sarawak Sports Commissioner, Lamat Ak Nyalau has urged the Sarawak Dragon-Lion Dance & Wushu Sarawak (PTNSWS) to fulfil its objective as dragon-lion dance state body by promoting its activities and competitions throughout the state.

He made the call at the opening ceremony of the Sarawak Dragon-Lion Dance Coaching and Refereeing Course 2014 jointly organised by Sarawak Youth & Sports Department and Sarawak Dragon-Lion Dance & Wushu Association (PTNSWS) and held from 7 November until today at the auditorium of the Sarawak Youth & Sports Department Complex here.

He further urged PTNSWS to

join national and international competitions. The suggestion was enthusiastically welcomed by all those present.

PTNSWS President, Lee King Choon thanked the more than 100 participants from throughout Sarawak, Indonesia and Sabah and the two internationally renowned dragon-lion dance personalities, Grandmasters Chan Sin Tong and Ting Wan Kee who are lecturers and examiners for the course.

Chan and Ting are assisted by Master Chin See Kiong and Master Sow Ling Hock.

Chan and Ting are both Dragon-Lion Dance International Referees and Lecturers accredited with the International Dragon & Lion Dance Federation and

of Asia that are affiliated to the Olympic Council of Asia. They are also Technical Members with the Asia Federation.

Organising Chairman, Nelson Nguang said that there were representatives from nine Sarawak Divisions, namely Kuching, Kota Samarahan, Sri Aman, Betong, Mukah, Sarikei, Sibu, Bintulu and Miri and also from Indonesia and Sabah.

He explained that the course was organised with the objective of promoting dragon-lion dance knowledge and technical expertise among dragon-lion dance officials and creating a bigger pool of qualified coaches and judges for long term development and state and regional activities of PTNSWS.

Gambar 4.16: Keratan akhbar laporan PTNSWS

Keratan akhbar yang mengenai Kursus Jurulatih tarian singa dan naga yang diajurkan oleh PTNSWS dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sarawak (JBS) pada tahun 2014, kursus ini disertai seramai 100 orang peserta.

Sumber: Kerja Lapangan (2016)



CMAA advisor, Datuk Yong Khoo Seng (fourth left) dotting the eye of a Northern Lion as CMAA president, Chester Lim (second left) and others look on. PHOTOS: NATASHA JEE



CMAA advisor, Datuk Yong Khoo Seng (standing centre) with the Northern Lions which have just been blessed as CMAA president, Chester Lim (sixth left), PTNSWS president, Lee King Choon (fifth left), PTNSWS secretary general, Fredrick Kueh and others look on.

All set for Melaka championship

BY NATASHA JEE & ROMIO ELEVON

KUCHING: Sarawak Dragon-Lion Dance & Wushu Associations' member, Chinese Martial Art (CMAA) is prepared for the 8th Malaysian National Open Dragon-Lion Dance Championships 2014 to be held in Melaka.

Yesterday, CMAA advisor, Datuk Yong Khoo Seng dotted the eyes of the new pair of Northern Lions which would be participating in the championship from 22 to 25 December, 2014 at Melaka Sutera Mall.

The blessing of the lions was held at Tua Pek Kong Temple at Jalan

Tunku Abdul Rahman here.

CMAA president, Chester Lim disclosed that the Northern Lions were acquired from China and that there were two more challenging lion dance competition routines for its team members.

"CMAA Northern Lions Dance team is now training to represent

Sarawak at the national competition organised by the Malaysia Dragon-Lions Dance Federation which is hosted by the Melaka Wushu Dragon-Lions Association," he said.

Lim added that the addition of the Northern Lion Dance to the CMAA competition repertoire was

ground breaking because its athletes were now trained in all the Dragon-Lion Dance competition events of the International Dragon-Lion Dance Federation and also Dragon-Lion Dance Federation of Asia.

Also present yesterday were Sarawak Dragon-Lion Dance Associations (PTNSWS) presi-

dent, Lee King Choon, PTNSWS secretary general, Fredrick Kueh, PTNSWS officials, Ng Fock Chung and Sim Tze Liang, CMAA advisor for life, Master Law Kaw Chai and CMAA officials, Thomas Liu and Chew Meng Teck, Victor Chin Chiu Hiam, Nelson Nguang, Calvin Kong, and Vincent Thong.

Gambar 4.17: Keratan akhbar laporan PTNSWS

Laporan akhbar mengenai upacara '*dian jing*' kostum tarian singa utara di tokong Tua Pek Kong

Kuching.

Sumber: Kerja Lapangan (2016)

Dragon & Lion Dance out to feature in Sukma 2016

KUCHING: The development of Dragon & Lion Dance in Sarawak and Malaysia received a big booster with Dragon & Lion Dance competition events set for a maiden feature in the forthcoming Sarawak 18th Sukma 2016 from July 22 to 31.

PTNSWS president, Matthew Lee announced this after his association delegation paid a courtesy call on Tuan Kameri Hj Affandi, the permanent secretary to the Ministry of Social Development who is also deputy chairman II of Sarawak Sports Corporation, to brief on the association's activities and proposal to host Dragon & Lion Dance as exhibition sport at the coming Sarawak Sukma XVIII 2016.

Earlier, the Sarawak Youth and Sports Department director, Tuan Hj Abdul Haris Ishak and Sarawak Sports Corporation CEO Dr Ong

Kong Swee had already voiced their support for the proposal.

Matthew said PTNSWS is a member of the Dragon & Lion Dance Federation of Malaysia that is affiliated to Olympic Council of Malaysia.

He added that Dragon & Lion Dance are events for the Asian Indoor Games and currently the federation is lobbying for the sport to be included in SEA Games 2017.

Kameri expressed that support from Ministry of Social Development and Sarawak Sports Corporation will take the lead in showcasing Sarawak's reputation in hosting Sukma and noted that Dragon & Lion Dance competition events will add colour, diversity and vibrancy to the Games.

He added that approval and support must be obtained from

Ministry of Youth & Sports, SUKMA XVIII Main Organising Committee and the Dragon & Lion Dance Federation of Malaysia to ensure smooth running and success of the events that will be making an inaugural Sukma appearance in Sarawak.

He said PTNSWS, the Sarawak governing body for Dragon & Lion Dance is very active in its activities over the last few years and had developed sound technical structure to organise events at Sukma level.

The newly to-be-completed MBKS Stadium and a local leading hotel here are identified as prospective venues to host the planned Moonlight Dragon, Daylight Dragon, High Poles Southern Lion, Traditional Southern Lion and Northern Lion Dance events that



LET'S HAVE IT: Seated (from left) Mohd Irtidzar, Chester Lim, Kameri Hj Affandi, Matthew Lee and Yung Dak Looh. (Standing from left) John Nasuul, Linda Ling, Kiw Cho Long and Nelson Nguang.

are slated to be held from July 27 to 29.

Also present were PTNSWS advisor Chester Lim, PTNSWS deputy

president Yung Dak Looh, Vice President Kiw Cho Long, technical director Nelson Nguang Kim Ban, Sarawak Sports Council assistant

director Linda Ling, Ministry of Social Development Youth & Sports Officer John Nasuul and assistant secretary Mohd Irtidzar.

Gambar 4.18: Keratan akhbar laporan PTNSWS

Laporan surat khabar tentang PTNSWS dijemput oleh kerjaan untuk menguruskan bahagian

Tarian Singa dan Naga dalam SUKMA 2016.

Sumber: Kerja Lapangan (2016)

4.4 Rumusan

Secara rumusnya bagi bab empat dapatan kajian merupakan maklumat-maklumat yang telah dapati semasa kerja lapangan dan dianalisis serta dinyatakan dalam bentuk pembahagian berdasarkan objektif-objektif. Pembahagian objektif terdapat dua iaitu objektif pertama mengenai konsep tarian singa. Objektif kedua pula adalah pengurusan tarian singa dalam Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak (PTNSWS). Dalam pembahagian objektif pula dibahagikan mengikut aspek-aspek. Objektif pertama mempunyai dua aspek iaitu makna dan fungsi tarian singa dan asal-usul tarian singa. Objektif kedua juga dibahagikan mengikut empat aspek pengurusan. Aspek pengurusan dibahagikan kepada empat iaitu pengeluaran, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan dan pemasaran. Pembahagian semua ini adalah memudahkan pembacaan dan menyusun maklumat agar kelihatan lebih sistematik.

BAB V

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian tarian tradisional singa masyarakat Cina Kuching berjaya mencapai objektif kajian. Objektif mengenai konsep tarian singa dan pengurusan tarian singa dalam Persatuan Tarian Naga dan Tarian Singa dan Wushu Negeri Sarawak (PTNSWS) telah dapat dibuktikan pada Bab IV iaitu dapatan kajian. Berdasarkan analisis dan hasil daripada dapatan kajian dapat membuktikan bahawa permasalahan kajian telah diselesaikan. Permasalahan kajian ini dapat diselesaikan melalui objektif kajian.

Antara maklumat konsep tarian singa yang diperolehi adalah dari segi makna dan fungsi tarian singa, asal-usul dan perkembangan tarian singa. Maklumat-maklumat konsep tarian singa ini diperolehi melalui kerja lapangan di tempat latihan tarian singa iaitu dewan *Chung Hua Middle School No 3, Kuching*. Di samping itu, terdapat juga maklumat yang diperolehi melalui pemerhatian ketika pertandingan tarian singa ke-8 di *Boulevard Shopping Mall*. Maklumat-maklumat tersebut dianalisis dan diterangkan dalam dapatan kajian.

Selain itu, objektif kedua pula adalah mengetahui pengurusan tarian singa dalam persatuan PTNSWS. Objektif ini juga dicapai melalui kerja lapangan. Pengurusan tarian singa dalam persatuan PTNSWS yang dikaji adalah dari segi pengurusan pengeluaran, sumber manusia, kewangan dan pemasaran. Merujuk kepada dapatan kajian dalam Bab IV, pengurusan pengeluaran persatuan PTNSWS adalah dari segi perkhidmatan. PTNSWS mempunyai kelas kesenian warisan Cina seperti kelas tarian singa, tarian naga dan wushu. Selain itu, PTNSWS juga mempunyai

pengeluaran lain seperti persembahan tarian singa, anjuran dan pengurusan acara, dan kem latihan tahunan.

Pengurusan sumber manusia pula, dilihat dari segi peranan dan tugas jawatan-jawatan yang berkaitan dalam pengurusan tarian singa. Antara jawatan yang dinyatakan dalam dapatan kajian adalah pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha, bendahari, perhubungan awam, ketua peralatan muzik dan kostum, jurulatih tarian singa dan keselamatan. Di samping itu, melalui kerja lapangan juga dapat mengetahui sistem dan kaedah yang digunakan oleh pengurusan sumber manusia untuk menguruskan tarian singa dalam persatuan PTNSWS. Sistem dan kaedah yang digunakan dalam pengurusan sumber manusia adalah buku catatan, jadual-jadual dan maklumat pendaftaran.

Dari segi pengurusan kewangan, dalam dapatan kajian telah menjelaskan bahawa sumber kewangan PTNSWS masih belum stabil. Hal ini disebabkan persatuan PTNSWS merupakan pertubuhan yang agak baru. Selain itu, mereka juga menghadapi masalah tiada penjabat atau tempat khas untuk PTNSWS. Mereka terpaksa menyewa dewan untuk melakukan kelas dan latihan atau kegunaan lain oleh PTNSWS. Anggaran kos bulanan yang perlu dibayar oleh PTNSWS adalah antara RM1200 hingga RM1800 sebulan. Di samping itu, PTNSWS juga perlu menggunakan wang ringgit yang banyak untuk pembelian alatan muzik dan kostum kegunaan tarian singa. Satu kostum singa berharga RM2000 keatas dan alat muzik gendang seunit berharga RM800 keatas. Kebanyakan PTNSWS akan membeli kostum singa dan peralatan muzik seperti gendang daripada negara China. Hal ini demikian kerana, kostum singa dan peralatan muzik daripada negara China lebih murah berbanding yang pembuatan daripada Malaysia. PTNSWS masih berusaha memajukan lagi peniagaan dan pertubuhan mereka. Mereka juga mengambil berat terhadap pemasaran dan promosi PTNSWS kepada masyarakat sekeliling.

Pemasaran dan promosi juga diurukan oleh PTNSWS agar ia lebih dikenali dan terkenal dalam kalangan masyarakat sekeliling di Kuching mahupun keseluruhan negeri Sarawak. Disebabkan tiada wang ringgit yang lebihan mengadakan perancangan pemasaran yang bagus. Namun PTNSWS tidak berputus asas menjalankan permasaran secara percuma. Pemasaran secara percuma adalah promosi melalui laman sosial *facebook* dengan nama akaun “砂拉越龍獅武術總會 Persatuan Tarian Naga, Tarian Singa Dan Wushu Negeri Sarawak”. Dalam laman sosial *facebook* mempunyai maklumat-maklumat tentang PTNSWS dari semasa ke semasa. Selain itu, promosi dari kaedah surat khabar juga dilakukan oleh PTNSWS secara tidak langsung. Syarikat-syarikat penerbitan surat khabar di Sarawak akan melaporkan berita mengenai pertandingan, persembahan, acara-acara yang dilakukan oleh PTNSWS. Di samping itu, persatuan PTNSWS juga mengadakan pakej promosi persembahan tarian singa ketika perayaan Tahun Baru Cina. Pada tahun 2016 ini PTNSWS diberi peluang oleh kerajaan Sarawak untuk menjadi salah satu pengajur dalam SUKMA Sarawak 2016. Ini juga merupakan pemasaran yang baik kepada tarian singa Kuching dan persatuan PTNSWS itu sendiri.

Kaedah-kaedah methodologi yang digunakan dalam bab III juga banyak membantu dalam kajian ini. Kajian ini perlu menggunakan kaedah methodologi seperti keperpustakaan atau sekunder, pemerhatian, temu bual, dokumentasi, analisis kajian dan informan-informan untuk memperolehi maklumat-maklumat untuk dapatan kajian. Setiap kaedah methodologi memainkan peranan yang penting dalam proses mendapati maklumat yang berbeza untuk mencapai objektif kajian.

5.2 Cadangan

Setelah kajian ini disimpulkan terdapat beberapa cadangan. Mengharapkan cadangan yang diberi dapat membantu para penyelidik akan datang dalam penyelidikan mereka. Di samping itu, tujuan cadangan-cadangan adalah untuk terus mengekalkan dan mempromosikan seni persembahan tarian singa masyarakat Cina kepada generasi akan datang. Antara cadangan-cadangan tersebut adalah seperti yang dinyatakan di bawah ini:

5.2.1 Cadangan untuk penyelidikan akan datang

Cadangan untuk penyelidik akan datang ialah mengharapkan para penyelidik akan datang dapat menjalankan penyelidikan mereka mengenai pengurusan tarian naga dan wushu dalam PTNSWS. Hal ini disebabkan, kajian ini hanya mengkaji tarian singa dalam PTNSWS. Selain itu, penyelidik akan datang juga boleh mengkaji mengenai pengurusan atau atur cara tarian singa dalam organisasi lain yang masih belum dikaji. Hal ini kerana, penyelidik akan datang boleh mengetahui dengan lebih jelas dan lanjut mengenai pengurusan tarian singa dalam sesebuah organisasi. Secara tidak langsung, kajian seperti ini dapat menambahkan ilmu pengetahuan pengurusan seni persembahan dan pengurusan organisasi kepada penyelidik. Diharapkan pengkaji akan datang dapat mengisi ruang kosong yang ditinggalkan oleh pengkaji sebelum ini.

5.2.2 Cadangan untuk pihak persatuan PTNSWS

Pihak persatuan PTNSWS yang merupakan persatuan yang mengusahakan kesenian warisan persembahan tarian singa kaum Cina ini, diharapkan mereka dapat terus memelihara dan mengekalkan tradisional kesenian tarian singa supaya kesenian warisan tarian singa tidak ditelan

zaman. Dicapangkan pihak PTNSWS boleh memperkenalkan seni persembahan tarian singa kepada masyarakat melalui laman sosial yang lebih banyak dan memperluaskan seperti instagram, blogs, twitter, youtube dan sebagainya. Ini juga dapat menarik minat dan tambah ilmu pengetahuan kesenian warisan Cina kepada semua lapisan masyarakat. Selain itu, pihak PTNSWS juga boleh melakukan persembahan tarian singa atau roadshow di tempat awam seperti pasaraya, taman dan sebagainya. Keadah ini dapat membantu dari segi mengpromosikan tarian singa dan persatuan PTNSWS kepada masyarakat sekeliling.

5.3 Rumusan

Secara rumusan keseluruhannya, kajian ini telah mencapai tujuan seperti yang dikehendaki oleh pengkaji. Ini kerana kajian ini telah menjawab soalan dan objektif kajian. Diharapkan dengan adanya cadangan-cadangan yang dinyatakan di atas akan dapat membantu pihak-pihak tersebut. Di samping itu, juga mengharapkan cadangan-cadangan tersebut dapat memelihara, mengekalkan dan kembangkan kesenian warisan tarian singa masyarakat Cina di Kuching mahupun seluruh Sarawak.

GLOSARI

<i>Choi Cheng</i>	Sebahagian persembahan tarian singa
<i>Dian Jing</i>	Upacara perasmian kostum singa
<i>Wen Shi</i>	Kategori singa bahasa
<i>Wu Shi</i>	Kategori singa tentera
<i>San Guo Yan Yi</i>	Nama cerita dahulu yang berkaitan dengan pahlawan dan peperangan
<i>Cai Qiu</i>	Bola warna-warni yang dimainkan oleh tarian singa utara
<i>Yi Wang Wu Hu Shi</i>	Gelaran jenis tarian singa selatan, 'satu raja singa dan lima pahlawan singa'
<i>Bo</i>	Peralatan muzik simbal
<i>Ceng-ceng</i>	Sebutan peralatan muzik simbal dalam dialek Hokkien
<i>Luo</i>	Peralatan muzik gong
<i>Gu</i>	Peralatan muzik gendang
<i>Jin Mao Hou</i>	Monyet berbulu keemasan
<i>Nian Shou</i>	Raksasa yang bernama 'nian'
<i>Xing Shi</i>	Nama atau panggilan gelaran singa selatan
<i>Angpao</i>	Sampul merah yang berisi wang kertas dalamnya

RUJUKAN

- Abdullah, U. (2003). *Rodat*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.
- Byrnes, W. J. (2009). *Management and the Arts*. United States of America: Focal Press is an imprint of Elsevier.
- Choo, E. (2010). Lion Dance. In *Pesta Tahun Baru Cina 2010* (p. 9). Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- F.I, R. (2003). *Sejarah dan Perkembangan Tarian Tarinai Perlis*. Perlis: Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Perlis.
- Hussin, H. (2006, December). Seni Persembahan Sebagai Perkakasan Ritual Pengubahan: Paluan Gandang dan Tari Sumazau Dalam Ritual Monogit oleh Kadazan Penampang Di Sabah. *Jati*, 11, 6-17.
- Ibrahim, H. A. (2005). *Joget Gamelan Terengganu dan Pahang*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. (2006). *Hari-hari perayaan masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.

Liz Hill, C. O. (2003). *Creative Arts Marketing*. Burlington: Butterworth-Heinemann .

Madulara. (2004). *Joget Lambak*. Melaka: Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Melaka.

Muhamad, J. (1992). *Asas Pengurusan* . Shah Alam, Selangor Darul Ehsan: Fajar Bakti .

Said, Z. A. (1988). *Pengurusan Pemasaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tabanan Palace Dance Group. (1957). *Bali : gending dan tari*.

Tarian Colok (sumpah-sumpah) . (2003). In *Koleksi Pengenalan Tarian dan Muzik Tradisional Negeri Pahang* (pp. 42-45). Kuantan: Jabatan Kebudayaan da Kesenian Negeri Pahang.

Wahyudiarto, D. (2009, December). Perubahan dan Kontinuitas Seni Barongsai Di Surakarta Pasca Reformasi . *Penelitian Seni Budaya*, 1, 193-200.

Wen, X. (2011, August). Lion Dance. *China's Intangible Cultural Heritage*, pp. 78-79.

Zahari, R. (2003). Tarian Labi-labi. In *Koleksi Pengenalan Tarian dan Muzik Tradisional Negeri Pahang* (pp. 6-11). Kuantan: Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pahang.

LAMPIRAN

Surat Pengesahan Pelajar dan Pemohonan Melakukan Penyelidikan

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
Faculty of Applied and Creative Arts

UNIMAS/NC-20.03/04-28/03 JLD. 6 (44)

1 Mac 2016

Encik Lim Kim Choon
(Pengerusi PTNSWS)
Persatuan Wushu, Lion and Dragon Sarawak
238, Foochow Road No. 2
93300 Kuching
SARAWAK

Tuan,

Pengesahan Sebagai Pelajar dan Permohonan Untuk Membuat Penyelidikan Projek Tahun Akhir (PTA)

Adalah dimaklumkan bahawa pelajar di bawah adalah pelajar Program Pengurusan Seni, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif.

1. Chua Seok Fang (40935)

Sehubungan dengan itu sukacita kiranya pihak tuan dapat memberikan kebenaran dan kerjasama bagi membolehkan pelajar berkenaan mendapatkan maklumat yang diperlukan di organisasi tuan bagi melengkapkan kajian beliau. Tajuk penyelidikan pelajar berkenaan ialah **Tarian Tradisional Singa Masyarakat Cina Kuching**.

Untuk makluman pihak tuan, hasil kajian tersebut hanya untuk kegunaan akademik bagi pihak fakulti dan universiti sahaja di mana ianya tidak akan diedarkan secara umum bagi tujuan keselamatan dan integriti pihak tuan.

Sekiranya pihak tuan memerlukan sebarang maklumat atau pertanyaan, silalah berhubung terus di talian 082-581338 (pejabat)/012-8979182 (pelajar).

Kerjasama dan perhatian pihak tuan amat dihargai. Semoga kerjasama ini akan dapat membantu kedua-dua pihak di dalam melahirkan modal insan dan organisasi yang kompeten dan efektif.

Sekian, terima kasih.

Yang benar


Dayang Mazha Awang Batu
Penolong Pendaftar

 MSC-Status



94300 Kota Samarahan, Sarawak, MALAYSIA | Tel + 60 82 581 000 | Fax + 60 82 581 340

Gambar: Surat pengesahan sebagai pelajar dan permohonan untuk membuat penyelidikan

Projek Tahun Akhir (PTA)

Sumber: Penjabat Am Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (2016)

Gambar-gambar Kerja Lapangan

1. Pertandingan Tarian Singa di *Boulevard Shopping Mall* Kuching.



Gambar: Banner pertandingan Tarian Singa ke-8 di *Boulevard Shopping Mall* Kuching

Sumber: Kerja Lapangan (2015)

PTNSWS menjadi salah satu pihak pengajur dalam acara pertandingan Tarian Singa ke-8 ini.

Kaedah permerhatian telah digunakan semasa menonton pertandingan tersebut.



Gambar: Baju korporat PTNSWS

Sumber: Kerja Lapangan (2015)

Ahli-ahli PTNSWS yang menguruskan acara pertandingan tarian singa memakai baju korporat PTNSWS yang sama, menunjukkan mereka adalah krew dalam acara tersebut.



Gambar: Semasa pertandingan tarian singa berlansung

Sumber: Kerja Lapangan (2015)

Pertandingan tarian singa tersebut diawasi oleh krew-krew dan diberi markah oleh juri-juri profesional.

2. Dewan *Chung Hua Middle School No 3*, Kuching.



Gambar: Dewan sekolah yang digunakan oleh PTNSWS menjalani latihan tarian singa

Sumber: Kerja Lapangan (2016)

3. Gambar bersama informan-informan



Gambar: Gambaran bersama informan Enicik Vincent Thong Hing Chang

Sumber: Kerja Lapangan (2016)



Gambar: Gambaran bersama informan Encik Calvin Kong Ngon Cheng

Sumber: Kerja Lapangan (2016)



Gambar: Gambaran bersama informan Encik Steven Pao Khin Hong

Sumber: Kerja Lapangan (2016)